



**UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA**

***PENGUASAAN TATABAHASA MELAYU DALAM KALANGAN PELAJAR  
ANTARABANGSA DI IPTA***

**ZALIZA BINTI MOHAMAD NASIR**

**FBMK 2015 109**

Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia  
sebagai memenuhi keperluan untuk Ijazah Doktor Falsafah

**PENGUASAAN TATABAHASA MELAYU DALAM KALANGAN PELAJAR  
ANTARABANGSA DI IPTA**

Oleh

**ZALIZA BINTI MOHAMAD NASIR**

Februari 2015

**Penyelia : Profesor Madya Zaitul Azma binti Zainon Hamzah, Phd**

**Fakulti : Bahasa Moden dan Komunikasi**

Kajian ini mengkaji penguasaan tatabahasa Melayu dalam kalangan pelajar asing di IPTA. Terdapat banyak kesalahan tatabahasa yang dilakukan oleh pelajar asing dalam penulisan karangan mereka terutama dari aspek kata, frasa, ayat, ortografi dan kesalahan imbuhan. Kesalahan ini dilakukan akibat daripada beberapa masalah yang dihadapi seperti tiada sikap yang serius ketika mempelajari tatabahasa Melayu serta tidak bermotivasi untuk mempelajari bahasa tersebut. Sehubungan itu objektif utama kajian ini adalah untuk melihat tahap penguasaan tatabahasa pelajar, bentuk kesalahan tatabahasa yang dilakukan, masalah yang dihadapi serta keberkesanan strategi pembelajaran yang digunakan dalam meningkatkan penguasaan tatabahasa pelajar. Ekoran daripada objektif tersebut, di akhir penyelidikan ini satu bentuk modul pembelajaran tatabahasa Melayu dihasilkan bagi meningkatkan penguasaan tatabahasa Melayu pelajar. Kajian telah dilaksanakan ke atas 33 orang responden yang telah mengikuti subjek Bahasa Malaysia Komunikasi di Universiti Teknologi Malaysia Johor Bahru. Data diambil berdasarkan soal selidik yang diedarkan dan analisis dokumen daripada penulisan karangan pelajar. Hasil kajian mendapati tahap penguasaan tatabahasa Melayu pelajar masih lagi lemah dan berada pada tahap sederhana. Responden sukar untuk menguasai tatabahasa Melayu disebabkan oleh beberapa kekangan. Antaranya adalah masa yang diperuntukkan untuk proses pembelajaran adalah terlalu singkat, pengaruh daripada bahasa pertama serta persekitaran kampus yang tidak menggalakkan. Kesimpulannya, kajian ini dapat membantu meningkatkan penguasaan tatabahasa Melayu dalam kalangan pelajar asing di IPTA.

Abstract of thesis presented to the Senate of Universiti Putra Malaysia in fulfillment of the requirement for the degree of Doctoral in Malay Language

**THE MASTERY OF MALAY GRAMMAR AMONG FOREIGN STUDENTS IN  
PUBLIC HIGHER EDUCATION INSTITUTIONS (IPTA)**

By

**ZALIZA BINTI MOHAMAD NASIR**

**February 2015**

**Chair : Profesor Madya Zaitul Azma binti Zainon Hamzah, Phd**

**Faculty : Modern Languages and Communication**

This study investigated on the mastery of Malay language grammar among the foreign students in Malaysian higher institutions. It was found that majority of the foreign students did many grammatical errors when writing essays in Malay language. The errors were wrong use of vocabulary, phrasal and sentence structure, orthography and improper use of prefix and suffix. These errors existed due to lack of serious commitment and motivation among the foreign students in learning the Malay language. Therefore, the main objectives were set up to identify the problems faced by these foreign students, to discover the strategies used by the foreign students in learning Malay language, to identify the types of errors usually done by the foreign students, and finally, to find out the level of mastery of Malay language among the foreign students. Based on the objectives, one learning module will be produced as the final outcome of this research in order to increase grammar acquisition among the foreign students. The study was conducted on 33 respondents who have taken the Malay Language Communication course in Universiti Teknologi Malaysia Johor Bahru. Data were collected using questionnaires and also document analysis which were essays written by the respondents. Results of the findings stated that the level of mastery of Malay language grammar among the respondents was below average. The factors contributed to the poor performance were such as, time constraint, interference of mother tongue language and unmotivated campus environment. In conclusion, this study is able to help in increasing the level of mastery of Malay language grammar among the foreign students in Malaysian universities.

## PENGHARGAAN

Setinggi-tinggi kesyukuran kepada Allah s.w.t dengan rahmatNya membolehkan saya menyempurnakan penulisan tesis ini. Saya merakamkan ucapan terima kasih dan penghargaan yang tidak terhingga kepada Profesor Madya Dr. Zaitul Azma Zainon Hamzah, (selaku Pengerusi Jawatankuasa Penyeliaan) serta Prof. Madya Dr. Normahdiah Sheikh Said dan Dr. Norizan Che Su sebagai penyelia yang sentiasa merintis jalan, memberi sokongan, masa, idea dan tidak jemu membimbing dengan iringan semangat penuh dedikasi dalam penerokaan pengetahuan sehingga siapnya penulisan tesis ini.

Penghargaan dan ucapan terima kasih yang tidak terhingga juga kepada semua pihak yang telah membantu saya untuk menyiapkan tesis ini terutama buat Norfarahin Jasmin Lee Abdullah yang telah membantu saya dari segi pemprosesan dan penganalisan data, sahabat yang sama-sama berjuang di Universiti Putra Malaysia, Noor Asliza Abd. Rahim serta Mariyati Mohd. Nor serta sahabat di Universiti Teknologi Malaysia terutama buat Siti Aishah Abd. Hamid yang telah banyak memberi sokongan moral kepada saya dan tidak jemu memberi dorongan, bantuan dan memudahkan penyempurnaan penulisan tesis ini. Terima kasih juga buat pelajar-pelajar asing di UTM Johor Bahru yang telah mengambil bahagian dalam kajian saya terutama untuk saudara Abdullah yang banyak membantu dalam mendapatkan data ini

Akhirnya, penghargaan dan ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada pihak Jabatan Pendidikan Tinggi, Kementerian Pelajaran Malaysia yang membiayai dan memberi peluang untuk saya meneruskan pengajian yang tidak ternilai ini. Terima kasih semua.

## PENGESAHAN

Saya mengesahkan bahawa satu Jawatankuasa Peperiksaan Tesis telah berjumpa pada (16 Februari 2015) untuk menjalankan peperiksaan akhir bagi Zaliza binti Mohamad Nasir bagi menilai tesis beliau yang bertajuk "Penguasaan Tatabahasa Melayu dalam kalangan Pelajar Antarabangsa di IPTA" mengikut Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 dan Perlembagaan Universiti Putra Malaysia [P.U.(A) 106] 15 Mac 1998. Jawatankuasa tersebut telah memperakukan bahawa calon ini layak dianugerahi ijazah Kedoktoran (Bahasa Melayu).

Ahli Jawatankuasa Peperiksaan Tesis adalah seperti berikut:

**Prof. Madya Dr. Abdul Rashid Daing Melebak**

Prof. Madya  
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi  
Universiti Putra Malaysia (Pengerusi)

**Prof. Madya Dr Normaliza Abdul Rahim**

Prof. Madya  
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi  
Universiti Putra Malaysia (Pemeriksa Dalam)

**Prof. Madya Dr. Vijayaletchumy a/p Subramaniam**

Prof. Madya  
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi  
Universiti Putra Malaysia (Pemeriksa Dalam)

**Prof. Dr. Zulkifley Hamid**

Profesor  
Pusat Pengajian Bahasa, Kesusasteraan & Kebudayaan Melayu  
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan  
Universiti Kebangsaan Malaysia (Pemeriksa Luar)

---

**Prof. Dr. Zulkarnain Zainal**

Timbalan Dekan  
Sekolah Pengajian Siswazah  
Universiti Putra Malaysia

17 April 2015

Tesis ini telah dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia dan telah diterima sebagai memenuhi syarat keperluan untuk ijazah Doktor Falsafah. Ahli Jawatankuasa Penyeliaan adalah seperti berikut:

**Zaitul Azma Zainon Hamzah, Ph.D.**

Profesor Madya  
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi  
Universiti Putra Malaysia  
(Pengerusi)

**Normahdiah Sheikh Said, Ph.D.**

Profesor Madya  
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi  
Universiti Putra Malaysia  
(Ahli)

**Norizan Che Su, Ph.D.**

Pensyarah Kanan  
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi  
Universiti Putra Malaysia  
(Ahli)

---

**PROFESOR BUJANG KIM HUAT, PHD**

Dekan  
Sekolah Pengajian Siswazah  
Universiti Putra Malaysia

Tarikh :

## Perakuan Pelajar Siswazah

Saya memperakui bahawa:

- tesis ini adalah hasil kerja saya yang asli;
- setiap petikan, kutipan dan ilustrasi telah dinyatakan sumbernya dengan jelas;
- tesis ini tidak pernah dimajukan sebelum ini, dan tidak dimajukan serentak dengan ini, untuk ijazah lain sama ada di Universiti Putra Malaysia atau di institusi lain;
- hak milik intelek dan hak cipta tesis ini adalah hak milik mutlak Universiti Putra Malaysia, mengikut Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- kebenaran bertulis daripada penyelia dan Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) hendaklah diperoleh sebelum tesis ini diterbitkan (dalam bentuk bertulis, cetakan atau elektronik) termasuk buku, jurnal, modul, prosiding, tulisan popular, kertas seminar, manuskrip, poster, laporan, nota kuliah, modul pembelajaran atau material lain seperti yang dinyatakan dalam Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- tiada plagiat atau pemalsuan/fabrikasi data dalam tesis ini, dan integriti ilmiah telah dipatuhi mengikut Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) dan Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012. Tesis telah diimbaskan dengan perisian pengesanan plagiat.

Tandatangan : \_\_\_\_\_  
Tarikh : \_\_\_\_\_

Nama dan No. Matrik : Zaliza Mohamad Nasir (GS30167)

### **Perakuan Ahli Jawatankuasa Penyeliaan**

Dengan ini, diperakukan bahawa:

- penyelidikan dan penulisan tesis ini adalah di bawah seliaan kami;
- tanggungjawab penyeliaan sebagaimana yang dinyatakan dalam Kaedah- Kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012- 2013) telah dipatuhi.

Tandatangan : \_\_\_\_\_  
Prof.Madya Dr. Zaitul Azma Zainon Hamzah

Tandatangan : \_\_\_\_\_  
Prof. Madya Dr. Normahdiah Sheikh Said

Tandatangan : \_\_\_\_\_  
Dr. Norizan Che Su



**JADUAL KANDUNGAN****MUKA SURAT**

<b>ABSTRAK</b>	<b>i</b>
<b>ABSTRACT</b>	<b>iii</b>
<b>PENGHARGAAN</b>	<b>v</b>
<b>PENGESAHAN</b>	<b>vi</b>
<b>PERAKUAN PELAJAR SISWAZAH</b>	<b>viii</b>
<b>PERAKUAN AHLI JAWATANKUASA PENYELIAAN</b>	<b>ix</b>
<b>JADUAL KANDUNGAN</b>	<b>x</b>
<b>SENARAI JADUAL</b>	<b>xiii</b>
<b>SENARAI RAJAH</b>	<b>xiv</b>
<b>SENARAI SINGKATAN</b>	<b>xv</b>
<b>SENARAI LAMBANG</b>	<b>xvi</b>

**BAB**

<b>1</b>	<b>PENDAHULUAN</b>	
	Latar Belakang Kajian	1
	Perkembangan Bahasa Melayu di Peringkat Antarabangsa	5
	Pengajaran Bahasa Melayu di Institusi Pendidikan Tinggi di Malaysia	8
	Sistem Tatabahasa Melayu	11
	Konsep Pengajaran Tatabahasa	14
	Pemerolehan Bahasa Kedua	15
	Pernyataan Masalah	16
	Persoalan Kajian	19
	Objektif Kajian	20
	Kepentingan Kajian	20
	Batasan Kajian	21
	Definisi Operasional	22
	Bahasa Melayu	22
	Tatabahasa	23
	Penguasaan Tatabahasa	23
	Pelajar Asing	23
	Kesimpulan	24
<b>II</b>	<b>SOROTAN LITERATUR</b>	
	Pengenalan	25
	Teori Pemerolehan Bahasa	25
	Teori Behaviorisme Bloomfield	25
	Teori Input Hipotesis Stephen Krashen	28
	Kajian Penguasaan Bahasa Melayu dalam Kalangan Pelajar Asing	33
	Kajian Penguasaan Bahasa Kedua	42
	Kesimpulan	50

<b>III</b>	<b>METODOLOGI</b>	
	Pendahuluan	52
	Reka bentuk Kajian	52
	Kerangka Teori	53
	Kerangka Konseptual	55
	Kaedah Kajian	56
	Lokasi Kajian	56
	Populasi dan Persampelan	57
	Alat Kajian – Soal selidik	57
	Temu bual	59
	Latihan Penulisan Karangan	60
	Prosedur Kajian	60
	Tatacara Kajian	61
	Kajian Rintis	61
	Perbincangan Kajian Rintis	63
	Kajian Sebenar	65
	Penganalisan Data	65
	Soal Selidik Responden	65
	Penulisan Karangan	67
	Pertimbangan Etika	67
	Kesimpulan	67
<b>IV</b>	<b>DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN</b>	
	Pendahuluan	68
	Analisis Berdasarkan Soal selidik	68
	Data Demografi Sampel Kajian	68
	Bahagian A (Latar belakang Responden)	69
	Bahagian B (Analisis Item)	73
	Tahap penguasaan tatabahasa Melayu dalam kalangan pelajar asing yang mempelajari bahasa Melayu	74
	Kesalahan Tatabahasa Berdasarkan Penulisan Karangan	82
	Penentuan kesalahan	82
	Kesalahan morfologi	82
	Kesalahan Pilihan Perkataan / istilah	83
	Kesalahan Penggunaan Kata Sendi nama	84
	Kesalahan Penggunaan Kata Ganda	86
	Kesalahan Penggunaan Kata Bilangan	87
	Kesalahan Penggunaan Kata Hubung Pancangan	88
	Kesalahan Sintaksis	89
	Kesalahan Pembentukan Ayat Pancangan	89
	Kesalahan Struktur Ayat Terjemahan Bahasa Inggeris	90
	Kesalahan Ayat tidak Lengkap	92
	Rumusan Kesalahan Tatabahasa	93
	Masalah yang dihadapi oleh pelajar asing dalam	

mempelajari bahasa Melayu	95
Keberkesanan strategi yang digunakan oleh pelajar asing dalam menguasai tatabahasa	104
Menghasilkan modul tatabahasa Melayu untuk meningkatkan penguasaan tatabahasa	111
Kesimpulan	112
<b>V KESIMPULAN</b>	
Pengenalan	114
Rumusan	114
Implikasi dapatan kajian	118
Cadangan	122
Penutup	126
<b>BIBLIOGRAFI</b>	127
<b>LAMPIRAN</b>	
Lampiran A – Soal selidik	136
Lampiran B – Modul Penulisan Karangan	145
Lampiran C – Sampel Karangan Pelajar	153
<b>BIODATA PELAJAR</b>	
<b>SENARAI PENERBITAN</b>	

## SENARAI JADUAL

Jadual	Muka Surat	
3.1	Jadual Pengiraan Skala Pemarkahan	58
3.2	Interpretasi Tahap Persetujuan Skor Min	58
3.3	Kesilapan tatabahasa pelajar dari ujian rintis	62
3.4	Huraian Kata Sendi	64
4.1	Pecahan sampel kajian mengikut Jantina	69
4.2	Pecahan sampel kajian mengikut tahun pengajian	69
4.3	Pecahan sampel kajian mengikut minat mempelajari bahasa Melayu	70
4.4	Pecahan sampel kajian mengikut peratusan mula mempelajari bahasa Melayu	70
4.5	Pecahan sampel kajian mengikut masa mengulangkaji bahasa Melayu seminggu	70
4.6	Pecahan sampel kajian mengikut saudara yang pernah mempelajari bahasa Melayu	71
4.7	Pecahan sampel kajian tujuan mempelajari bahasa Melayu	71
4.8	Pecahan sampel kajian mengikut minat terhadap komponen tatabahasa Melayu	72
4.9	Taburan Peratusan Dan Min Bagi Objektif Yang Pertama	74
4.10	Taburan kekerapan dan peratus responden mengikut keyakinan bahawa penguasaan dalam tatabahasa Melayu dapat membantu dalam menghasilkan penulisan yang baik.	77
4.11	Analisis Kesalahan pilihan perkataan / istilah	83
4.12	Analisis Kesalahan tidak menggunakan kata sendi pada tempat yang sepatutnya.	84
4.13	Analisis Kesalahan menggunakan kata sendi yang tidak tepat	85
4.14	Analisis Kesalahan penggunaan kata ganda	86
4.15	Analisis Kesalahan kata bilangan	87
4.16	Analisis kesalahan penggunaan kata hubung pancangan	88
4.17	Analisis Kesalahan pembentukan ayat pancangan	89
4.18	Analisis Kesalahan struktur terjemahan bahasa Inggeris	90
4.19	Analisis Kesalahan ayat tidak betul susunan	91
4.20	Analisis Kesalahan ayat yang tidak lengkap	92
4.21	Taburan kekerapan dan peratus responden mengikut masalah yang dihadapi dalam tatabahasa	95
4.22	Taburan kekerapan dan peratus responden mengikut bentuk pengajaran.	98
4.23	Taburan kekerapan dan peratus responden mengikut strategi pembelajaran	104
4.24	Taburan kekerapan dan peratus responden memahami gaya bahasa apabila menguasai tatabahasa.	107
4.25	Min Keseluruhan Bagi Setiap Bahagian (I, II dan III)	109

## SENARAI RAJAH

Rajah	Muka Surat
1.1 Statistik Bilangan Pelajar yang belajar Di IPT Malaysia bagi tahun 2011.	9
2.1 Model Input Hipotesis bagi Pembelajaran dan Produksi Ujaran Bahasa Kedua (Krashen, 1984)	29
3.1 Kerangka Teori	53
3.2 Kerangka Konseptual	55



## SENARAI SINGKATAN

IPT	-	Institusi Pengajian Tinggi
MQA	-	Agensi Kelayakan Malaysia
JPT	-	Jabatan Pengajian Tinggi
KPM	-	Kementerian Pelajaran Malaysia
KPT	-	Kementerian Pendidikan Tinggi
IPTA	-	Institusi Pendidikan Tinggi Awam
IPTS	-	Institusi Pendidikan Tinggi Swasta
USM	-	Universiti Sains Malaysia
UPM	-	Universiti Putra Malaysia
UIAM	-	Universiti Islam Antarabangsa Malaysia
UKM	-	Universiti Kebangsaan Malaysia
UTM	-	Universiti Teknologi Malaysia
PB1	-	Pemerolehan Bahasa Pertama
PB2	-	Pemerolehan Bahasa Kedua
TOEFL	-	Test of English as a Foreign Language
DBP	-	Dewan Bahasa dan Pustaka
MABM	-	Majlis Antarabangsa Bahasa Melayu
UiTM	-	Universiti Teknologi Mara
UniMAP	-	Universiti Malaysia Perlis
MMU	-	Multimedia Univesity
Uniten	-	Universiti Tenaga Nasional
KLIUC	-	Kuala Lumpur Infrastructure University College

## SENARAI LAMBANG

- • menunjukkan kesalahan bahasa yang dilakukan dalam data



## BAB 1

### PENDAHULUAN

#### Latar Belakang Kajian

Pendidikan masa kini berhadapan dengan pelbagai cabaran bagi membentuk seseorang individu dalam memenuhi keperluan sendiri, negara atau masyarakat. Sehubungan itu pendidikan yang terbaik harus disediakan bagi menghasilkan sumber tenaga manusia yang berketrampilan, berpengetahuan dan berkemahiran. Oleh yang demikian, universiti turut tidak terlepas daripada memainkan peranan dalam proses pembangunan individu. Walaupun universiti terkenal dengan gedung peneroka dalam sesebuah masyarakat, namun fungsinya dalam proses pembangunan sumber manusia adalah amat penting. Begitu juga dalam aspek bahasa. Bahasa ialah alat atau perantaraan dalam berkomunikasi. Mempelajari bahasa bukan bertujuan untuk mempelajari budaya yang asing tetapi membolehkan masyarakat untuk berkomunikasi dengan mereka yang datang dari budaya yang lain.

Bahasa Melayu menjadi bahasa yang asing bagi pelajar luar negara yang menuntut di Malaysia. Lantaran itu, dalam konteks pendidikan di Malaysia, penguasaan bahasa Melayu dalam kalangan pelajar asing menjadi amat penting pada masa kini. Berkaitan dengan hal ini, bahasa Melayu dianggap sebagai bahasa kedua atau bahasa ketiga bagi pelajar-pelajar asing yang berada di Malaysia. Menurut Kamaruddin Husin & Siti Hajar Abdul Aziz (1997) bahasa yang dipelajari oleh seseorang itu merupakan bahasa kedua atau bahasa ketiga manakala bahasa yang diperoleh sejak lahir lagi adalah bahasa ibunda. Dalam konteks ini, pelajar asing melalui proses pembelajaran dan pengajaran di bilik darjah yang formal untuk menguasai dan mempelajari bahasa Melayu sebagai bahasa kedua. Ini menyebabkan tatacara penguasaan bahasa tersebut adalah berbeza dengan penguasaan daripada penutur jati. Sehubungan dengan itu penguasaan bahasa datang dengan kebiasaan. Jika kebiasaan menggunakan bahasa tersebut diamalkan, maka lama-kelamaan seseorang itu akan menjadi mahir dengan sendirinya.

Kepentingan terhadap penguasaan bahasa dalam bidang pendidikan amat perlu kerana bahasa merupakan alat utama dalam proses pengajaran dan pembelajaran serta bahasa merupakan satu alat perhubungan yang sangat penting dalam kehidupan manusia (Kamaruddin Husin & Siti Hajar Abdul Aziz, 1997). Melalui bahasa seseorang itu boleh berkomunikasi atau berinteraksi dengan individu yang lain. Komunikasi boleh berlaku melalui lisan dan penulisan untuk menyampaikan maklumat, kehendak,



menambahkan ilmu pengetahuan, memahami orang, menyampaikan perasaan dan sebagainya. Justeru itu seseorang yang mempunyai kemahiran dan penguasaan bahasa yang baik akan mempunyai keupayaan dan kecekapan untuk berkomunikasi yang tinggi.

Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) telah menetapkan bahawa salah satu daripada hasil pembelajaran yang perlu dicapai oleh pelajar asing adalah melalui penguasaan kosa kata dan tatabahasa Melayu (Awang Sariyan, 2010). Sehubungan dengan itu pendedahan terhadap penguasaan tatabahasa Melayu kepada pelajar asing ini adalah perlu bagi setiap IPT. Huraian Sukatan Pelajaran Bahasa Kebangsaan telah menetapkan bahawa untuk menguasai kecekapan berbahasa, aspek tatabahasa hendaklah dijadikan dasar utama dalam proses pembelajaran bahasa (Awang Sariyan, 2010). Oleh yang demikian modul bagi tatabahasa adalah terdiri daripada aspek morfologi serta sintaksis asas. Manakala aspek morfologi yang diberi tumpuan ialah struktur kata yang merujuk kepada bentuk kata seperti kata tunggal dan golongan kata seperti kata nama, kata kerja, kata adjektif dan kata tugas dan aspek sintaksis yang diberi tumpuan pula ialah unsur utama ayat serta susunan ayat (Nik Safiah Karim, 1995).

Pengajaran tatabahasa kepada pelajar asing di peringkat IPT merupakan suatu bidang baharu yang perlu diberi penekanan oleh tenaga pengajar. Bidang ini merupakan suatu rentetan daripada pendedahan bahasa Melayu asas yang telah diperkenalkan oleh pihak Jabatan Pengajian Tinggi (JPT), Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) yang sebelum ini dikenali sebagai Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) kepada pelajar asing yang menuntut di IPT di Malaysia. Pada peringkat ini, pengajaran tatabahasa asas amat penting didedahkan kepada pelajar kerana hal ini secara tidak langsung akan memberi kesan kepada penguasaan bahasa Melayu pelajar. Tambahan pula apabila mereka berada pada tahap yang lebih tinggi, pendedahan dan penguasaan bahasa Melayu pelajar pada peringkat awal akan memberi pengaruh kepada kebolehan berbahasa mereka. Arbak Othman (2009) menjelaskan bahawa pengajaran tatabahasa dijadikan sebagai landasan untuk menentukan sama ada betul atau salah sesuatu ayat yang digunakan. Oleh sebab itu, tatabahasa didefinisikan sebagai pengajaran tentang hukum dan rumus yang terdapat dalam sesuatu bahasa (Khaidir Othman, 2009).

Selain itu, tatabahasa juga merupakan peraturan dalam sesuatu bahasa. Peraturan ini hadir dalam semua kemahiran bahasa, iaitu kemahiran mendengar, bertutur, membaca dan menulis. Oleh hal yang demikian, untuk mengukur sejauh mana kemahiran dan kecekapan berbahasa seseorang pelajar itu dikuasai oleh mereka, aspek tatabahasa sangat penting dijadikan sebagai alat (Khaidir Othman, 2009). Justeru, dalam konteks pengajaran tatabahasa Melayu kepada pelajar asing,

pengetahuan tatabahasa Melayu asas perlu didedahkan supaya pelajar mampu menguasai dan menggunakan bahasa Melayu sama ada dalam bentuk penulisan dan lisan (Khaled Nordin, 2011).

Menurut Ketua Pengarah Jabatan Pengajian Tinggi, Kementerian Pengajian Tinggi (KPT), Prof. Datuk Dr. Rujhan Mustaffa (2012), sehingga 31 Januari 2012, jumlah keseluruhan pelajar asing yang berdaftar dengan KPT ialah 91,670 orang iaitu 25,855 di IPTA dan 65,812 orang di IPTS (Berita Harian, 2012). Jika dilihat pada angka yang begitu besar, persoalan yang ingin dilontarkan adalah sejauhmanakah pemerksaan bahasa Melayu dalam kalangan pelajar asing di Malaysia dilaksanakan dan mengapa bahasa Melayu perlu dipelajari oleh pelajar asing di Malaysia? Jawapannya ialah bahasa Melayu telah menjadi penghubung dalam bidang komunikasi untuk memahami kebudayaan masyarakat di Malaysia. Dalam hal ini, jika seseorang penutur asing itu mengetahui asas bahasa Melayu dengan baik, nilai sopan santun dalam masyarakat di Malaysia dapat diketahui, terutamanya bagi masyarakat Melayu. Sehubungan dengan itu, untuk menguasai asas bahasa Melayu, pelajar asing perlu memahami dan menguasai sistem bahasa itu. Dalam konteks ini, menurut Awang Sariyan (2010), mempelajari sesuatu bahasa asing adalah sesuatu yang mencabar bagi pelajar yang tidak berada dalam lingkungan bahasa tersebut.

Menurut mantan Menteri Pelajaran Malaysia, Dato' Seri Mohd. Khaled Nordin (2011), pihak Kementerian telah mewajibkan agar pelajar asing mempelajari bahasa Melayu supaya mereka mudah untuk berkomunikasi dengan penduduk tempatan sekali gus mengembangkan penggunaan bahasa itu di negara mereka. Hal ini sejajar dengan pernyataan seperti di bawah:

"Mereka akan mengambil Bahasa Melayu untuk tujuan komunikasi, supaya mereka faham apa yang orang cakap. Bila dia keluar, dia nak beli barang kat kedai, dia boleh cakap. Kita bukan wajibkan mereka ambil Bahasa Melayu ilmiah,"

(Khairul Zaim Mohd. Shaari, Mac 2011)

Kenyataan di atas diperkukuhkan lagi dengan pernyataan yang dikemukakan oleh Khairul Zaim Mohd. Shaari (2011) baru-baru ini yang memaklumkan bahawa kementerian telah mencadangkan agar pihak KPT dapat menyediakan ujian kemasukan khas Bahasa Malaysia seperti *Test of English as a Foreign Language* (TOEFL), mewajibkan pelajar asing mengikuti kursus bahasa selama tiga atau enam bulan serta menyerapkan sukatan pelajaran bahasa Melayu (bertutur dan menulis), Sejarah dan

Kenegaraan Malaysia dalam kursus pendek kepada pelajar-pelajar yang mendaftar di IPT Malaysia (Harian Metro, 2011).

Dalam pada itu, seseorang yang mengetahui tentang sistem bahasa secara mendalam dan menggunakan bahasa itu secara spontan sesuai dengan peraturan penggunaan bahasa tersebut dianggap sebagai seorang pelajar bahasa yang cekap berkomunikasi dalam bahasa Melayu. Mereka bukan sahaja mempunyai pengetahuan tentang bahasa tersebut tetapi juga mahir menggunakan segala peraturan dan rumus bahasa tersebut (Zulkifley Hamid, 2011). Oleh yang demikian, penguasaan empat aspek kemahiran berbahasa iaitu mendengar (dan memahami), bertutur, membaca, dan menulis perlu dikuasai oleh setiap orang yang ingin mempelajari dan menguasai sesuatu bahasa tersebut (Siti Hanim Stapa et al, 2009). Sehubungan dengan itu, untuk membantu mempercepatkan proses pembelajaran, pengetahuan tentang sistem bahasa dan nilai-nilai kesusilaan bahasa dalam konteks sosio budaya masyarakat penutur bahasa tersebut adalah penting (Fa'izah Abd. Manan, 2009).

Selain itu, di peringkat usia 20an, pelajar asing dianggap telah melewati tempoh kritis dalam proses mempelajari bahasa terutamanya dalam penguasaan aspek tatabahasa (Ismail Abd. Rahman, 2010). Namun begitu pengetahuan dalam bahasa ibunda yang mereka miliki dapat membantu mempercepatkan proses pembelajaran seperti menganalisa aspek pembentukan kata (morfologi), struktur ayat (sintaksis) dan makna kata (semantik) bahasa yang baru mereka pelajari. Jadi, berdasarkan pendapat Ismail Abd. Rahman (2010), kelemahan pelajar dewasa dalam menguasai keempat-empat kemahiran bahasa boleh diatasi dengan cara mengenal pasti kelemahan-kelemahan yang ada. Penguasaan tatabahasa dalam kalangan pelajar asing ini perlu diberi perhatian kerana kelemahan dalam aspek berkenaan bukan sahaja mempengaruhi pertuturan lisan malahan penulisan karangan (Zamri Mahamod & Mohamad Amin Embi, 2001). Selain itu berdasarkan Laporan Jawatan kuasa Mengkaji Penggunaan Bahasa Melayu 1993 (Awang Had Salleh, 1993) juga mendapati banyak kelemahan yang masih terdapat dalam kalangan pelajar di semua peringkat sama ada dalam aspek morfologi, sintaksis dan semantik. Pada hakikatnya penguasaan aspek tatabahasa merupakan asas yang paling utama yang perlu dikuasai untuk menguasai sesuatu bahasa dengan berkesan.

Mengikut JPT, mempelajari bahasa Melayu adalah prasyarat kepada pelajar asing yang mengikuti pengajian di semua IPT di Malaysia. Pelajar diwajibkan mengikuti kursus bahasa Melayu dan lulus untuk dianugerahkan diploma atau ijazah (Khaled Nordin, 2010). Prasyarat ini sudah tentu membeban dan menyukarkan pelajar kerana selain tidak mempunyai pilihan pelajar juga dikehendaki mempelajari dan menguasai

bahasa Melayu dalam tempoh masa yang singkat demi *survival* pengajian masing-masing.

### **Perkembangan Bahasa Melayu di peringkat antarabangsa**

Pelajar asing yang berada di Malaysia mampu membawa bahasa Melayu ke peringkat antarabangsa sekiranya dapat menguasai bahasa Melayu dengan baik. Penglibatan pelajar ini dalam beberapa bentuk pertandingan di peringkat antarabangsa seperti pertandingan Pidato Antarabangsa Bahasa Melayu Piala Perdana Menteri yang dianjurkan oleh pihak KPM sedikit sebanyak dapat membuka mata masyarakat umum bahawa bahasa Melayu boleh diketengahkan ke peringkat yang lebih tinggi. Justeru bahasa Melayu berpotensi untuk diantarabangsakan di mata dunia jika masyarakat mempunyai iltizam dan komitmen yang tinggi terhadap bahasa itu.

Jika diamati secara lebih mendalam, bahasa Melayu telah mula diajar di universiti-universiti seluruh dunia sejak lama dahulu. Ini terbukti apabila sehingga hari ini terdapat kira-kira 130 buah pusat pengajian tinggi di seluruh dunia menawarkan pengajian Bahasa Melayu termasuk Amerika, Australia dan New Zealand (Fa'izah Abd. Manan et al, 2009). Di Eropah, negara Perancis merupakan negara pertama yang menawarkan pengajian Bahasa Melayu iaitu pada tahun 1841 di Ecole National des Langues et Civilizations Orientales Vivanttees (Enlov). Manakala di Belanda bahasa Melayu mula diajar sejak abad ke-19 kepada pegawai yang dihantar bertugas di Indonesia (Khaled Nordin, 2010).

Sementara itu di Jepun, bahasa Melayu diajarkan sebagai bahasa yang berasingan daripada bahasa Indonesia di empat buah universiti manakala di Amerika Syarikat, kuliah bahasa Melayu mula diperkenalkan di Cornell University sekitar akhir 1880-an (Khaled Nordin, 2010). Seterusnya di China, Fakulti Bahasa-Bahasa Timur Universiti Peking (Beijing) telah menawarkan bahasa Melayu sebagai satu subjek kepada pelajarannya dan di Korea Selatan pula, bahasa Melayu telah mula diajar di dua buah universiti, iaitu Hankuk University of Foreign Studies dan Pusan University of Foreign Studies (Khaled Nordin, 2010).

Sehingga kini, terdapat kira-kira 300 juta penutur bahasa Melayu pelbagai dialek berada di seluruh dunia. Malaysia, Indonesia, Brunei, Singapura dan Selatan Thailand adalah antara negara yang mempunyai penutur asal daripada rumpun Melayu di Asia Tenggara. Selain itu, terdapat juga kelompok di luar alam Melayu yang membentuk komuniti Melayu di negara lain seperti Afrika Selatan, Sri Lanka, Amerika Syarikat, Australia, United Kingdom dan Arab Saudi. Mereka dikenali sebagai kelompok 'Melayu

Diaspora' dan sebahagian besar daripada mereka ini masih mengekalkan penguasaan bahasa Melayu yang baik (Khaled Nordin, 2010).

Menurut Khaled Nordin (2010) lagi, usaha mengantarabangsakan bahasa Melayu harus mengambil kira kemunculan bangsa lain yang turut berpeluang menguasai bahasa Melayu. Ini kerana penguasaan bahasa Melayu dalam kalangan rumpun Melayu sahaja tidak akan memberi kekuatan kepada bahasa ini untuk menjadi satu bahasa antarabangsa. Dalam hal ini, untuk memartabatkan bahasa Melayu pada peringkat dunia, pihak JPT telah melakukan beberapa usaha. Antara usaha awal kerajaan untuk mengantarabangsakan bahasa Melayu adalah dengan adanya penubuhan Kursi Pengajian Melayu di beberapa universiti terkemuka di dunia seperti penubuhan Kursi Pengajian Melayu di Leiden University, Belanda, Ohio University di Amerika Syarikat, Victoria University of Wellington, Beijing Foreign Studies University dan di Hankuk University of Foreign Studies, Korea.

Seterusnya pada ketika ini, menurut Khaled Nordin (2011) bagi mengetahui sejauh mana kewujudan Kursi ini boleh dimantapkan, pihak JPT sedang mengkaji tentang impak penubuhan Kursi ini agar usaha untuk mengantarabangsakan bahasa Melayu dapat dipertingkatkan di mata dunia. Selain itu, kehadiran pelajar asing di IPTA dan IPTS dalam negara boleh dijadikan sebagai satu peluang kepada negara dalam usaha untuk membantu dan mengembangkan bahasa Melayu ke peringkat antarabangsa.

Dalam konteks ini, penguasaan bahasa Melayu dalam kalangan pelajar asing di Malaysia perlulah digalakkan kerana ia bukanlah sesuatu yang mustahil. Sebaliknya, sebagai sebuah negara majmuk yang mempunyai pelbagai budaya dan bahasa, inilah cabaran yang perlu dihadapi sepanjang berada di Malaysia. Berdasarkan kelebihan yang dimiliki ini, secara tidak langsung Malaysia mampu melonjak sebagai pusat perkembangan bahasa Melayu di peringkat dunia. Sehubungan itu, proses pengantarabangsaaan bahasa Melayu ini perlu dijadikan sebagai agenda utama pihak Kementerian selaras dengan hasrat untuk meletakkan Malaysia berada di mata dunia (Khaled Nordin, 2010).

Sejajar dengan itu, dalam sistem pendidikan di Malaysia kini sama ada di peringkat pendidikan pra-sekolah, rendah dan menengah kerajaan, proses pembelajaran dan pengajaran bahasa Melayu amat menitikberatkan pembelajaran bahasa Melayu. Malah, di institusi pengajian tinggi awam bahasa Melayu telah dijadikan sebagai bahasa pengantar bagi semua subjek yang ditawarkan oleh pihak universiti tersebut (Awang Sariyan, 2010). Di samping itu, di sekolah-sekolah rendah Jenis Kebangsaan Cina dan Tamil juga bahasa Melayu telah dijadikan sebuah mata pelajaran

wajib yang diajarkan kepada murid-murid. Sementara itu, bahasa Melayu juga telah dijadikan subjek wajib yang perlu diajarkan kepada semua pelajar yang menuntut di institusi pendidikan tinggi sama ada awam atau swasta. Sebelum ini, bahasa Melayu hanya diajar dan dipelajari oleh warganegara tempatan sahaja namun kini ia telah diperkenalkan pula kepada pelajar antarabangsa sebagai matapelajaran wajib (Fa'izah Abd. Manan et al, 2010).

Menurut Ab. Rahman Ab. Rashid & Yap Kim Fatt (1999) kepentingan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan telah dijelaskan dalam Perkara 152 Perlembagaan Persekutuan. Dalam konteks ini, Bahasa Melayu berfungsi sebagai penghubung kepada banyak disiplin ilmu dan tidak menjadi penghalang kepada kedatangan, perkembangan dan penyebaran ilmu yang lain. Jadi, demi merealisasikan hasrat ini, Nik Safiah Karim (1995) menyatakan pihak Kementerian telah mendaulatkan bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu dengan menetapkan bahawa bahasa Melayu sebagai kursus wajib di institusi pendidikan tinggi. Ini bertujuan untuk menjadikan graduan sebagai pewaris bahasa Melayu yang mahir dalam memartabatkan bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu. Selain itu, Akta Bahasa Kebangsaan 1963/1967 (disemak 1971) dan Akta Pendidikan yang sedia ada telah berfungsi sebagai akta yang menjaga kepentingan bahasa Melayu sebagai bahasa Kebangsaan dan bahasa rasmi negara (Fa'izah Abd. Manan et al, 2009). Selaras dengan itu, bahasa Melayu telah dijadikan sebagai mata pelajaran wajib terutama di peringkat persekolahan sesuai dengan kedudukan dan peranannya sebagai bahasa kebangsaan, bahasa rasmi dan bahasa pengantar ilmu. Di peringkat pengajian tinggi, kebanyakan universiti telah menetapkan dasar iaitu untuk lulus dan dikurniakan ijazah, pelajar asing telah diwajibkan untuk mengambil kursus bahasa Melayu khususnya bahasa Melayu akademik (Mohamad Baba, 2012).

Menurut Awang Sariyan (2010), dalam Akta Pendidikan 1996 telah menetapkan bahawa pelajar asing di Malaysia mesti mempelajari bahasa Melayu. Namun begitu perlaksanaanya masih kurang diperkasakan. Dengan termaktubnya Akta Pendidikan 1996 dan Akta Institusi Pendidikan Tinggi Swasta 1996, pelajar asing di negara ini diwajibkan mengikuti dan mempelajari bahasa Melayu sebagai bahasa asing di sepanjang tempoh pengajian mereka di sini. Pelajar asing tidak mempunyai pilihan lain kerana mereka perlu mempelajari bahasa Melayu sebagai prasyarat untuk lulus pengajian.

Matlamat pendidikan bahasa Melayu sebagai bahasa asing menunjukkan bahawa kursus yang ditawarkan memaparkan kandungan yang mencukupi bagi membolehkan pelajar asing memahami dan menguasai bahasa Melayu secara asas dengan baik. Penguasaan ini boleh diperolehi menerusi empat kemahiran berbahasa iaitu kemahiran mendengar dan

memahami serta membezakan bunyi-bunyi vokal dan konsonan bahasa Melayu. Selain itu, kemahiran bertutur, berbincang dan berkomunikasi dalam bahasa Melayu dengan menggunakan bahasa yang sesuai dalam pelbagai keadaan perhubungan harian juga perlu dikuasai. Pelajar asing juga perlu menguasai kemahiran membaca teks pendek dan mudah dalam bahasa Melayu untuk membantu memahirkan diri dengan sebutan-sebutan dan intonasi bahasa Melayu dan menguasai kemahiran menulis karangan pendek untuk membantu pelajar menyampaikan pendapat dan pemikiran dalam bentuk tulisan bahasa Melayu dan mengikut peraturan-peraturan tanda baca dan penulisan (Fa'izah Abd.Manan et al, 2009).

Kandungan matlamat pendidikan bahasa Melayu ini jelas merangkumi semua aspek kemahiran berbahasa yang diperlukan bagi membantu pelajar asing belajar kemahiran bahasa dalam bahasa Melayu. Pemahaman dan penguasaan mereka terhadap semua aspek tersebut akan dapat mempertingkatkan proses memahami dan menguasai bahasa Melayu dengan lebih baik dan berkesan. Seterusnya membolehkan pelajar asing berkomunikasi dengan masyarakat di negara ini terutama dengan masyarakat Melayu menggunakan bahasa Melayu yang asas dan mudah dengan baik.

### **Pengajaran Bahasa Melayu di Institusi Pengajian Tinggi di Malaysia**

Menurut Zainor Said (2011), sehingga Januari 2012, jumlah pelajar asing di institusi pengajian tinggi ialah seramai 91,670 orang yang mengikuti pelbagai bidang pengajian dan kursus di IPT. Menurutnya lagi, menjelang tahun 2015 dianggarkan bilangan pelajar asing ini akan melonjak sehingga 150,000 di dalam negara. Statistik ini menunjukkan sikap keterbukaan dan kesungguhan kerajaan untuk menarik minat pelajar asing bagi melanjutkan pengajian mereka di negara ini. Rajah 1.1 menunjukkan kadar statistik yang diperolehi oleh pihak JPT tentang jumlah pelajar asing yang berada di Malaysia bagi tahun 2011.



**Rajah 1.1 : Statistik Bilangan Pelajar yang belajar di IPT Malaysia bagi tahun 2011**

Berdasarkan statistik di atas menunjukkan peratusan kehadiran pelajar asing yang datang untuk melanjutkan pelajaran di institusi pengajian tinggi awam dan swasta (IPTA dan IPTS) di Malaysia semakin meningkat. Lanjutan daripada itu, Akta Pendidikan Malaysia Pindaan 1995 dengan jelas menyatakan bahawa semua pelajar warganegara asing yang mengikuti pengajian di IPT di Malaysia wajib mempelajari bahasa Melayu sebagai salah satu mata pelajaran. Pengajaran tersebut bertujuan untuk memberi pendedahan kepada pelajar tentang aspek asas bahasa Melayu seperti sistem bunyi dan ejaan, tatabahasa asas, perbualan ringan, aspek sociolinguistik, membaca dan memahami bahan yang mudah serta kemahiran menulis (Khaled Nordin, 2011). Secara tidak langsung dengan mewajibkan penguasaan bahasa Melayu dalam kalangan pelajar asing di negara ini ia membolehkan mereka memahami budaya setempat dengan lebih baik dan ini seterusnya dapat menambah bilangan penutur bahasa Melayu dan mengembangkannya di peringkat antarabangsa.

Satu reformasi terhadap pendidikan bahasa Melayu sebagai bahasa asing telah berlaku dalam sejarah pendidikan bahasa Melayu di negara ini. Menurut Fai'zah Abd. Manan et al (2009) sejak pertengahan tahun 1995 dan 1996 beberapa perubahan telah dilakukan untuk memartabatkan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar ilmu yang sebelum ini telah diwartakan dalam Akta Pendidikan 1961. Sehubungan dengan itu akta ini turut diwartakan bahawa bahasa Melayu perlu diajar kepada pelajar asing yang berada di Malaysia. Sejalan dengan peningkatan bilangan pelajar asing dan bilangan IPTS yang menjadi pilihan pelajar asing pada waktu itu, serta untuk memantapkan sistem pendidikan bahasa Melayu di negara ini, KPM telah meminda Akta Pendidikan 1961 dan menggantikannya dengan Akta Pendidikan 1996 dan Akta Pendidikan Tinggi Swasta 1996.



Pelaksanaan kedua-dua akta tersebut secara tidak langsung telah mempengaruhi pendidikan bahasa Melayu di semua IPT di negara ini. Dalam Akta Pendidikan 1996 dan Akta Pendidikan Tinggi Swasta 1996 telah menetapkan bahasa Melayu mesti digunakan sebagai bahasa pengantar di semua IPT termasuklah institusi-institusi yang tidak tertakluk kepada Akta Universiti dan Kolej Universiti (Awang Sariyan, 2010). Namun, kekecualian untuk menggunakan bahasa lain sebagai bahasa pengantar adalah dibenarkan. Walau bagaimanapun, bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi negara perlu diajar sebagai mata pelajaran wajib atau kursus wajib sebagai syarat untuk pengijazahan.

Pelaksanaan Akta IPTS 1996 dianggap penting dalam pendidikan bahasa Melayu kepada pelajar asing. Ini kerana bertitik tolak daripada akta tersebut status semua pelajar asing yang melanjutkan pengajian di mana-mana IPTS di negara ini adalah diwajibkan untuk mengikuti kursus bahasa Melayu ini. Namun begitu, pelaksanaan kursus bahasa Melayu wajib sebagaimana yang ditegaskan oleh Menteri Pengajian Tinggi ketika itu bukan sahaja berkaitan dengan pihak IPTS sahaja. Ketika ini pihak IPTA juga mempunyai jumlah pelajar asing mereka sendiri. Jadi, semua IPTA juga perlu diberi penegasan supaya mewajibkan pelajar asing mereka mengikuti kursus bahasa Melayu (Awang Sariyan, 2010).

Selain itu, satu kajian tentang Penggunaan Bahasa di IPTA telah dilaksanakan oleh pihak KPT pada tahun 2010 (Khaled Nordin, 2010). Salah satu daripada strategi hasil dari kajian tersebut adalah meningkatkan pengantarabangsaan bahasa Melayu di mata dunia dan antara langkah yang diambil oleh pihak KPT ke arah pengantarabangsaan dan memartabatkan bahasa Melayu di peringkat pengajian tinggi adalah mewajibkan pelajar-pelajar antarabangsa mengambil kursus Bahasa Melayu Komunikasi (Khaled, 2010). Sehubungan itu, pihak IPT perlu menyediakan modul yang khusus berkaitan subjek ini untuk diajar kepada pelajar asing di institusi masing-masing.

Pada dasarnya pendidikan Bahasa Melayu sebagai bahasa asing adalah dibawah seliaan Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) (Khaled Nordin, 2010). Pada tahun 1998, MQA telah membentuk Sukatan Pelajaran Bahasa Kebangsaan yang baru khusus untuk pelajar-pelajar asing di IPTS. Manakala di IPTA pula pengajar yang mengajar kursus bahasa Melayu dikehendaki mereka bentuk sukatan pelajaran bagi kursus yang ditawarkan di IPTA masing-masing. Ekoran itu, pelaksanaan pendidikan bahasa Melayu didapati berbeza-beza mengikuti IPT yang menawarkannya (Fa'izah Abd. Manan et al, 2009). Umpamanya, di Universiti Sains Malaysia (USM) kursus bahasa Melayu untuk pelajar asing wajib dikuti dalam dua semester tetapi kemudiannya diubah kepada satu semester. Manakala di Universiti Putra Malaysia (UPM) pelajar asing perlu

lulus dengan baik dalam kursus tersebut. Seterusnya di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) dan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) pula, pelajar asing perlu mengikuti kursus bahasa Melayu untuk dua semester dan wajib lulus untuk kedua-dua kursus tersebut. (Fa'izah Abd. Manan et al, 2009). Manakala di Universiti Teknologi Malaysia (UTM) pula pelajar-pelajarnya dikehendaki mengikuti kursus ini dalam satu semester sahaja dan lulus dengan baik.

Bahasa Melayu sebagai satu bahasa ilmu perlu dipupuk peranan dan sumbangannya terutama di IPT. Menurut Awang Sariyan (2010), meskipun tidak seluas pengajaran bahasa Inggeris, bahasa Melayu mempunyai kedudukannya yang tersendiri dalam perkembangan bahasa-bahasa utama dunia sehingga memang ada keperluan pengajarannya kepada penutur asing. Ini disokong dengan fakta yang mengatakan bahawa bahasa Melayu boleh berkembang dan berpotensi menjadi bahasa dunia yang dominan, antaranya seperti pernyataan David Graddol, Pengarah The English Company (UK) Ltd dalam Jurnal *The Future of Language* dalam Awang Sariyan (2010) bahawa bahasa Melayu merupakan salah satu bahasa yang amat pesat berkembang. Sehubungan itu, perencanaan yang rapi perlu dilaksanakan agar bahasa Melayu dapat diajar dan didedahkan kepada pelajar asing itu untuk memenuhi keperluan tersebut.

Seterusnya sebagaimana yang diketahui, keperluan dan perkembangan tatabahasa Melayu di dalam pengajian pendidikan dan masyarakat umum telah bermula sejak zaman berzaman lagi sehingga sekarang. Di Malaysia, "Pelita Bahasa Melayu" karangan Za'ba (1953) menjadi salah satu buku tatabahasa yang paling luas digunakan sejak tahun 1956 bagi memajukan bahasa dan kesusasteraan Melayu dalam sistem pendidikan Malaysia (Kamaruddin Husin, 2010). Sementara buku karangan Lufti Abas (1971) dalam Kamaruddin Husin (2010), pula telah menjadi rujukan para mahasiswa dalam subjek bahasa Melayu di Universiti Malaya kerana kandungan buku ini banyak memfokuskan tentang linguistik dan bahasa, nahu, fonetik, fonologi, sintaksis dan nahu transformasi-generatif bahasa Melayu. Seterusnya, Abdullah Hassan (1980) pula telah menerangkan tentang konsep tatabahasa dan menghuraikan dengan jelas komponen-komponen nahu transformasi. Begitu juga dengan buku tulisan Lim Kiat Boey (1975) yang menerangkan konsep-konsep dan peraturan-peraturan tatabahasa transformasi-generatif (Abdullah Hassan, 1980).

### **Sistem Tatabahasa Bahasa Melayu**

Secara amnya dalam sesebuah bahasa, tatabahasa bahasa itu haruslah tepat, lengkap, tuntas dan mudah difahami serta dapat mencerminkan kebolehan dalaman penutur jati bahasa tersebut. Dalam konteks ini setiap tatabahasa menjadi asas untuk melahirkan sesuatu bahasa yang indah

dan mudah difahami oleh penggunanya. Sehubungan itu, tatabahasa sebenarnya berfungsi sebagai rujukan kepada peraturan atau hukum dalam sesuatu bahasa (Arbak Othman, 2009). Dengan adanya tatabahasa, ia akan menentukan sesuatu bahasa itu dapat berfungsi dengan baik, berkesan, atau sebaliknya. Oleh itu, tatabahasa merupakan suatu himpunan peraturan umum struktur bahasa yang meliputi bidang morfologi dan sintaksis.

Nik Safiah Karim et al (2009) mentakrifkan bahasa sebagai kumpulan ayat yang mempunyai jumlah yang tidak terbilang manakala ayat pula terdiri daripada rentetan perkataan yang mempunyai makna berdasarkan rumus tatabahasa yang tepat. Dalam hal ini, sesebuah penyelidikan tentang tatabahasa biasanya dilakukan dari dua segi, iaitu dari segi cara perkataan dibentuk daripada bunyi-bunyi bahasa, dan dari segi cara perkataan-perkataan ini disusun menjadi ayat.

Menurut Awang Sariyan (2010), tatabahasa boleh didefinisikan sebagai peraturan yang membina bentuk-bentuk bahasa yang merangkumi kata, frasa atau ayat yang betul dalam sesuatu bahasa tertentu. Bagi menentukan salah betul sesuatu bentuk bahasa yang dilahirkan oleh penuturnya sama ada dalam bentuk lisan atau penulisan, peraturan atau rumus tatabahasa inilah yang memainkan peranan penting. Seterusnya, menurut Abdullah Hassan (1980) pula, tatabahasa adalah suatu susunan perkataan yang menjadi ayat, cara-cara perkataan ini dibina dan kemudiannya disusun dalam ayat yang seterusnya menghasilkan makna. Manakala menurut Siti Hajar Abd. Aziz (1996), tatabahasa ialah rentetan perkataan yang diucapkan, pengelompokan serta pengklasifikasian unsur-unsur ucapan yang telah ditetapkan fungsinya.

Tatabahasa sebenarnya merupakan satu cabang daripada linguistik umum yang menerangkan tentang peraturan atau hukum sesuatu bahasa. Tatabahasa juga merupakan penggabungan kata-kata untuk menghasilkan bunyi dan frasa (Siti Hajar Abd. Aziz, 1996). Untuk itu, morfologi dan sintaksis merupakan antara komponen yang membentuk tatabahasa dalam sesuatu bahasa. Dalam hal ini, morfologi di definisikan sebagai ilmu dalam bidang huraian pada peringkat perkataan manakala sintaksis pula menerangkan bidang huraian pada peringkat ayat (Siti Hajar Abd. Aziz, 1996).

Bidang morfologi merupakan bidang yang berkait rapat dengan pembentukan perkataan dalam bahasa. Secara umumnya, morfologi terbahagi kepada tiga bahagian iaitu imbuhan, perkataan dan bentuk perkataan. Imbuhan terbahagi kepada imbuhan awalan, akhiran, sisipan, apitan, morfem kosong dan bentuk fleksi (Nik Safiah Karim, 1995). Imbuhan di definisikan sebagai unit-unit bahasa tertentu yang ditambah

pada kata dasar bagi membentuk perubahan makna dan menghasilkan kata terbitan seperti kata nama, kata kerja, kata edjektif, kata keterangan dan kata bilangan. Ini bermaksud sesuatu kata dasar akan membawa makna yang berbeza apabila kata dasar itu ditambah dengan imbuhan (Nik Safiah Karim, 1995). Manakala perkataan ialah satu unit ujaran yang bebas yang mengandungi makna. Ia terdiri daripada satu atau gabungan beberapa bentuk bunyi bahasa dan perkataan ini terdiri daripada kata tunggal, kata terbitan, kata majmuk, dan kata ganda.

Bentuk perkataan pula adalah bentuk kata yang boleh terdiri daripada satu morfem atau susunan beberapa morfem. Antaranya, bentuk kata tunggal, bentuk kata terbitan, bentuk kata majmuk, dan bentuk kata ganda (Nik Safiah Karim, 1995). Selain itu bentuk kata juga merupakan satu unit dalam tatabahasa. Bentuk ini boleh berbentuk tunggal atau bentuk kata terbitan iaitu hasil daripada proses pengimbuhan, pemajmukan dan penggandaan. Penggolongan kata pula ialah suatu proses menjeniskan perkataan berdasarkan keserupaan bentuk atau fungsi dengan anggota lain dalam golongan yang sama. Berpandukan penjelasan tentang morfologi di atas, dapat dijelaskan bahawa morfologi adalah bidang bahasa yang mengkaji tentang struktur, bentuk dan penggolongan kata.

Selain morfologi, sintaksis juga merupakan peringkat susunan binaan yang amat penting kepada pembentukan tatabahasa. Pembentukan sintaksis ini berlaku dalam semua bahasa di dunia ini. Menurut Kamus Tatabahasa Dewan (1996), sintaksis ditakrifkan sebagai bidang ilmu bahasa yang mengkaji bentuk, struktur, dan binaan atau konstruksi ayat. Sintaksis juga dinyatakan sebagai suatu bentuk ayat dalam sesuatu bahasa yang menggunakan kaedah penggabungan dan penyusunan perkataan atau kelompok perkataan yang mendasari hukum atau rumus tatabahasa tersebut. Untuk itu, sintaksis sebenarnya merupakan suatu kaedah yang mengkaji tentang struktur binaan ayat, iaitu proses pembentukan ayat dalam sesuatu bahasa.

Selain itu, untuk mengetahui struktur unsur atau struktur konstituen setiap ayat dalam sesuatu bahasa, sintaksis juga mengkaji tentang pembahagian subjek dan predikat. Bagi ayat dasar dan ayat terbitan, sintaksis bertindak menentukan kesemua ayat yang terbentuk masih tetap mematuhi dan pasti berasal daripada satu ayat dasar, iaitu pola ayat yang menjadi sumber kepada pembentukan atau terbitan semua ayat yang lain dalam sesuatu bahasa. Seterusnya, sintaksis juga mengkaji tentang jenis-jenis ayat yang terdiri daripada empat jenis ayat iaitu ayat penyata, ayat tanya, ayat perintah, dan ayat seruan serta setiap susunan dalam ayat, urutan kata, perpindahan kata, ragam ayat iaitu kejadian ayat aktif dan ayat pasif.

Secara kesimpulannya, jelas menyatakan bahawa bidang tatabahasa merupakan satu bidang dalam linguistik umum yang menerangkan tentang hukum dan peraturan-peraturan dalam sesuatu bahasa. Dalam hal ini, tatabahasa bermula daripada unsur-unsur yang membina perkataan, seterusnya proses membentuk perkataan dan akhirnya proses menyusun perkataan untuk membentuk ayat-ayat yang gramatis. Secara lazimnya, tatabahasa terdiri daripada peraturan-peraturan dan undang-undang yang dihasilkan dalam bentuk pertuturan atau penulisan bahasa yang betul. Untuk menentukan bahasa itu berfungsi dengan baik, berkesan atau sebaliknya peraturan atau undang-undang tatabahasa itu akan menentukannya. Kesimpulannya, tatabahasa merupakan kajian yang meliputi bidang morfologi dan sintaksis yang mana morfologi menumpukan bidang yang mengkaji cara-cara perkataan itu dibentuk hasil daripada bunyi-bunyi bahasa manakala sintaksis pula merupakan bidang yang mengkaji cara sesuatu perkataan itu disusun menjadi ayat.

### **Konsep Pengajaran Tatabahasa**

Menurut Abd. Aziz Abd. Talib (2000), pengajaran tatabahasa membolehkan seseorang pelajar itu menguasai bahasa Melayu dengan baik dan lengkap. Untuk menghasilkan ayat yang gramatis, pengetahuan dalam bidang tatabahasa ini sangat membantu pelajar. Dalam sistem pendidikan di Malaysia, aspek tatabahasa sangat ditekan dan dijadikan dasar kecekapan berbahasa dan diajarkan secara terancang dalam konteks menghasilkan ketepatan berbahasa. Ini bagi membolehkan pelajar mengikuti pengajaran tatabahasa secara berkesan dan memudahkan pemahaman mereka.

Penguasaan tatabahasa dalam kalangan pelajar merupakan perkara yang penting dalam sistem pendidikan di Malaysia. Sehubungan itu, kesalahan dalam penguasaan tatabahasa adalah amat penting untuk diketahui dan di kenal pasti oleh tenaga pengajar khususnya dalam penulisan karangan dan seterusnya berusaha untuk membetulkan atau mengatasi kesalahan tatabahasa tersebut terutamanya dalam bidang penulisan. Dalam hal ini, penguasaan tatabahasa dalam kalangan pelajar asing di IPT turut diambil berat kerana matapelajaran bahasa Melayu telah menjadi matapelajaran wajib bagi mereka. Sehubungan itu, penguasaan yang baik dalam bidang tatabahasa adalah perlu supaya pelajar-pelajar ini dapat menguasai bahasa Melayu dengan sempurna.

Seseorang yang mempelajari bahasa yang bukan ibundanya boleh dikategorikan sebagai belajar bahasa kedua atau bahasa asing. Dalam hal ini, mempelajari bahasa Melayu dianggap sebagai belajar bahasa asing bagi pelajar asing di Malaysia. (Pusat Kurikulum, 1996). Status pembelajaran bahasa Melayu sebagai bahasa asing di IPT telah

dinyatakan dengan jelas dalam Akta Pendidikan 1996 dan telah diperkukuhkan lagi pada pelancaran bulan Bahasa 2010 oleh Menteri Pengajian Tinggi. Sehubungan itu, terdapat perbezaan yang ketara antara pemerolehan bahasa ibunda iaitu bahasa asal negara pelajar tersebut dengan pembelajaran bahasa Melayu sebagai bahasa asing di Malaysia.

### **Pemerolehan Bahasa Kedua**

Pemerolehan bahasa kedua (PB2) membolehkan seseorang mempelajari sesuatu bahasa yang selain dari bahasa ibunda mereka (Eka, 2010). Menurut Eka (2010), istilah bahasa kedua digunakan untuk menjelaskan tentang orang dewasa yang mempelajari bahasa selain daripada bahasa ibundanya dan pemerolehan bahasa tersebut diperoleh selepas zaman kanak-kanak.

Proses pembelajaran dan pemerolehan bahasa kedua sering menjadi perbincangan dalam kalangan ahli bahasa. Eka (2010) menyifatkan pemerolehan bahasa kedua (B2) seseorang dewasa adalah berbeza dari pemerolehan bahasa pertama (B1) mereka. Salah satunya adalah pencapaian linguistik yang lengkap di antara penutur B1 dan B2. Menurut mereka, penutur dewasa B2 jarang sekali dapat menguasai kemahiran bahasa yang dipelajari secara keseluruhan dan lengkap seperti penutur asli tidak kira berapa banyakpun pendedahan atau input yang diberikan kepada bahasa tersebut. Selain itu, dari segi perlakuan, seseorang penutur B2 mungkin tidak akan mencapai kemahiran yang setanding dengan penutur asli walaupun dari satu segi mereka akan berkelakuan seperti penutur asli. Menurut pengkaji B2, melalui pembelajaran secara deskriptif dalam sesuatu bahasa mereka cuba memahami secara lebih mendalam bahasa tersebut dengan menggunakan perspektif *interlanguage*, yang mengeksplorasikan bahasa yang dipelajari sebagai suatu sistem linguistik, atau mereka boleh mengkaji bagaimana seseorang membuat perbandingan dengan bahasa asal (Eka, 2010).

Selanjutnya menurut ahli bahasa, penguasaan bahasa kedua adalah berbeza dengan penguasaan bahasa pertama. Bahasa kedua di peroleh dan dikuasai melalui pembelajaran yang bersifat formal serta menekankan banyak latihan dan pengulangan hingga membentuk satu tabiat manakala bahasa pertama dikuasai secara semula jadi. Katerina (2004) menyatakan pembelajaran bahasa asing pada dasarnya adalah merupakan satu proses mekanikal yang membentuk tabiat. Oleh itu, cara penguasaannya adalah sama dengan proses pembentukan tabiat yang lain seperti belajar berlari, berenang atau menulis. Dalam proses pembelajaran bahasa, jika seseorang itu berjaya melakukan sesuatu dengan baik maka ia akan dapat diulangkan untuk seterusnya secara automatik. Dalam hal ini, proses penguasaan bahasa kedua pada peringkat awal kanak-kanak

berkemungkinan mempunyai proses yang sama dengan proses penguasaan bahasa pertama mereka. Namun, proses penguasaan bahasa kedua selepas peringkat awal kanak-kanak akan mengalami cara yang berbeza dengan proses pemerolehan pengetahuan bahasa pertama. Hal ini ditegaskan oleh Brown (1980),

*“Adult, more cognitively secure, appear to operate from the solid foundation of the first language and thus manifest more interference.”*

Seterusnya, menurut Katerina (2004) pembelajaran bahasa asing pada dasarnya merupakan satu proses analogi yang membentuk tabiat dan memberi asas yang lebih kukuh terhadap sesuatu pembelajaran bahasa asing. Proses pembelajaran ini juga dikenali sebagai ‘pendekatan dengar sebut’ yang memerlukan seseorang itu terlibat dengan aktiviti mendengar dan bertutur. Ini secara tidak langsung memberi pendedahan kepada penutur B2 untuk menguasai kemahiran berbahasa yang lain.

Daripada kenyataan tersebut, dapatlah diandaikan bahawa tabiat adalah perlu dalam pembelajaran bahasa. Oleh itu, dalam proses pembelajaran bahasa asing, tabiat berbahasa kedua boleh dibentuk dengan cara mempelajari atau kerap melakukan latihan tubi. Ia secara tidak langsung menggalakkan tabiat itu berfungsi.

Bahasa Melayu dianggap sebagai bahasa kedua kepada subjek kajian iaitu pelajar asing dalam konteks kajian yang dilakukan oleh penyelidik. Penguasaan tatabahasa dalam bahasa kedua ini boleh dibentuk sekiranya latihan dan pembelajaran dilaksanakan secara latihan tubi tanpa adanya gangguan daripada bahasa pertama. Tabiat ini secara tidak langsung akan membantu dalam menguasai bahasa kedua yang dipelajari oleh subjek kajian.

### **Pernyataan Masalah**

Pihak KPT telah mengambil langkah mengetengahkan dasar mewajibkan semua pelajar asing yang sedang menuntut di negara ini untuk mengambil subjek bahasa Melayu. Sehubungan itu, pengetahuan tentang rumus-rumus asas tatabahasa bahasa Melayu perlu didedahkan kepada pelajar asing. Dalam konteks ini, penguasaan asas bahasa Melayu amat diperlukan dan kajian tentang tahap penguasaan perlu dilakukan bagi mengetahui kelemahan yang ada. Selinker (1992) dalam kajiannya menegaskan bahawa hanya lima peratus daripada pelajar bahasa kedua akhirnya dapat menguasai bahasa kedua dengan sempurna seperti mana

penutur jati bahasa kedua tersebut. Peratusan pelajar asing yang menguasai tatabahasa Melayu masih rendah dan ini menunjukkan bahawa pelajar asing masih belum dapat menguasai tatabahasa Melayu dengan baik. Pernyataan ini turut diperkuatkan daripada kajian yang telah dilakukan oleh Zamri Mahamod & Mohamad Amin (2001), Noor Asliza Abd. Rahim et al. (2011), Tuan Nordin Tuan Kechik (2012), Hasnah Mohamad (2011), Yong Chyn Chye (2011) dan Mardian Shah Omar (2011) sebelum ini ke atas pelajar-pelajar asing yang menunjukkan bahawa tahap penguasaan pelajar masih lagi berada di tahap yang sederhana. Sekiranya tahap penguasaan tatabahasa Melayu ini tidak di kenal pasti, hal ini akan menyebabkan proses pembelajaran bahasa Melayu kepada pelajar asing tidak akan mencapai matlamat seperti yang dikehendaki. Oleh itu permasalahan ini memberi lompang kepada penyelidik untuk membentuk persoalan kajian yang pertama.

Selain itu, berdasarkan kajian yang telah dilakukan oleh Noor Asliza Abd. Rahim et al (2011) mendapati pelajar asing tidak dapat menguasai kemahiran mendengar dan bertutur disebabkan oleh tiadanya keseimbangan dalam penguasaan tatabahasa dan kemahiran berbahasa. Sehubungan dengan itu, isu tentang penguasaan tatabahasa Melayu dalam kalangan pelajar asing ini perlu diketengahkan dan dikaji supaya ianya boleh ditangani dalam usaha untuk menyelesaikan pembelajaran bahasa Melayu. Selain itu, kajian lepas yang memberi penekanan kepada masalah pembelajaran tatabahasa bahasa Melayu dalam kalangan pelajar asing juga kurang diberi perhatian (Chin, 2001). Kajian-kajian lepas seperti kajian oleh Zamri Mahamod & Mohamad Amin Embi (2001), Noor Asliza Abd. Rahim et al. (2011), Tuan Nordin Tuan Kechik (2012), Hasnah Mohamad (2011), Yong Chyn Chye (2011) dan Mardian Shah (2011) lebih tertumpu kepada kajian tentang penguasaan bahasa Melayu secara menyeluruh dalam kalangan pelajar asing dalam pendidikan bahasa Melayu sahaja.

Seterusnya, beberapa masalah yang di kenal pasti mengapa kajian ini perlu dilakukan adalah berdasarkan dapatan kajian oleh Siti Saniah Abu Bakar (2013) yang mendapati pelajar asing sukar untuk menguasai bahasa Melayu disebabkan mereka tidak mempunyai sikap yang serius dalam pembelajaran serta tidak berminat dan tidak bermotivasi untuk mempelajari bahasa tersebut. Di samping itu, sifat malu, gangguan bahasa ibunda, kekurangan latihan dan situasi persekitaran juga menyumbang kepada kesukaran mereka untuk mempelajari bahasa Melayu seterusnya menguasai tatabahasa Melayu (Siti Saniah Abu Bakar, 2013). Selain itu, masalah yang besar ialah isi kandungan atau kurikulum dalam modul yang tersedia ada amat terbatas dan keadaan ini menjadi rumit sekiranya pelajar-pelajar tersebut tiada langsung menerima pendedahan tentang bahasa Melayu (Zamri Mahamod & Mohamad Amin Embi, 2001). Ini kerana ahli-ahli bahasa berpendapat bahawa pengetahuan tentang rumus tatabahasa ialah asas dalam pembelajaran bahasa (Juriah Long et al,



2004). Berdasarkan masalah tersebut, jelas sekali wujud keperluan bagi menjalankan kajian untuk meninjau masalah pembelajaran tatabahasa Melayu dalam kalangan pelajar asing.

Siti Baidura Kasiran & Nurul Jamilah Rosly (2010) mengatakan bahawa terdapat banyak jenis kesalahan yang dilakukan oleh pelajar-pelajar asing dalam penulisan karangan terutama dari aspek kata, frasa, ayat dan ortografi seperti kesalahan penggunaan ejaan dan huruf besar / kecil, penggunaan kata sendi dan penggunaan kata yang tidak bersesuaian. Begitu juga dengan hasil kajian Umaimah Kamaruzaman & Noriza Daud (2013) yang mendapati kebanyakan pelajar melakukan kesalahan imbuhan disebabkan kurangnya pengetahuan dan pemahaman mengenai tatabahasa bahasa Melayu. Berdasarkan penulisan karangan pelajar, sesetengah pelajar gagal mendapat markah karangan yang baik bukan kerana tidak dapat mengemukakan isi-isi yang dikehendaki tetapi semata-mata kerana terlalu banyak melakukan kesalahan bahasa. Kegagalan pelajar menguasai tatabahasa menyebabkan isi atau maksud yang hendak disampaikan menjadi kabur dan sukar atau tidak difahami. Oleh itu, kajian terhadap kesalahan tatabahasa Melayu dalam penulisan karangan oleh pelajar asing ini memberi peluang kepada penyelidik untuk mengesan kesalahan tatabahasa yang dilakukan dalam penulisan karangan mereka.

Juriah Long et al (2001) dalam kajiannya ke atas IPTS terpilih mendapati daripada 120 pelajar asing yang dikaji, sebahagian besarnya tidak dapat menguasai keempat-empat kemahiran berbahasa iaitu bertutur, mendengar, membaca dan menulis serta tidak dapat menguasai kemahiran tatabahasa dengan sepenuhnya. Pelajar ini juga lemah dalam aspek tatabahasa dan kosa kata walaupun mereka boleh menguasai kemahiran mendengar dan membaca dengan baik. Menurut Juriah Long et al. (2001) juga, penguasaan unsur tatabahasa dan sistem bahasa sahaja tidak dapat menjamin pelajar menggunakan bahasa yang tepat dan berkesan dalam pelbagai konteks penggunaan bahasa di dalam atau di luar kelas. Pada waktu yang sama, kebanyakan pelajar asing yang mempelajari bahasa Melayu di IPT di Malaysia menghadapi pelbagai masalah, lemah dan gagal menguasai kemahiran berbahasa Melayu dalam tempoh yang ditetapkan terutama dalam aspek tatabahasa. Perkara ini menjadi isu utama yang menjadi pokok perbincangan dalam kalangan pengkaji bahasa Melayu (Awang Had Salleh, 1993). Kelemahan ini secara tidak langsung menjejaskan kelancaran pengajian dan pencapaian akademik mereka secara keseluruhannya (Awang Sariyan, 2010). Berdasarkan laporan peperiksaan akhir semester 1 sesi 2010/2011 bagi pelajar asing yang mengikuti subjek ULAM 1112 Bahasa Malaysia Komunikasi di UTM Johor Bahru, perolehan gred yang rendah dalam mata pelajaran tersebut telah menyebabkan keseluruhan gred purata pelajar bagi semester tersebut turut terjejas. Selain itu, pengalaman penyelidik sendiri menunjukkan bahawa hasil pembelajaran bahasa Melayu masih jauh dari tahap yang ingin dicapai. Tempoh satu semester yang begitu

singkat, menyukarkan pelajar untuk menguasai bahasa Melayu terutama dalam aspek tatabahasa dan penulisan bahasa Melayu. Kesalahan sering dilakukan terutama dalam aspek pembentukan ayat dan kekeliruan tentang penggunaan tatabahasa yang tepat. Keberkesanan strategi pembelajaran dan modul yang digunakan juga kurang diberi perhatian. Sehubungan itu, penguasaan tatabahasa dalam kalangan pelajar asing perlu diberi perhatian kerana kelemahan dalam aspek berkenaan bukan sahaja mempengaruhi pertuturan lisan malah dalam aspek penulisan bahasa Melayu.

Berdasarkan perbincangan seperti yang disebut di atas, jelas sekali wujud kelompangan dan keperluan bagi menjalankan kajian untuk meninjau masalah penguasaan tatabahasa bahasa Melayu dalam kalangan pelajar asing dan mengemukakan cadangan bagi memperbaiki kelemahan tersebut. Ini diperkuatkan lagi dengan adanya hasil beberapa kajian yang telah dilakukan oleh pengkaji tempatan mahupun dari luar yang jelas menunjukkan bahawa para pelajar masih lagi menghadapi masalah dalam penguasaan beberapa aspek tatabahasa dalam penulisan. Kajian-kajian terdahulu juga tidak ada yang mereka bentuk modul yang bersesuaian dengan pembelajaran tatabahasa Melayu. Jadi, ini membuka ruang kepada penyelidik untuk mereka bentuk modul pembelajaran tatabahasa Melayu dalam penulisan karangan yang bersesuaian dengan prestasi pelajar asing di IPTA dan selaras dengan persoalan kajian yang ketiga dan keempat.

### **Persoalan Kajian**

Rentetan daripada perbincangan tersebut beberapa persoalan kajian telah dibina. Kajian ini meninjau beberapa persoalan utama antaranya adalah seperti berikut:

1. Apakah tahap penguasaan tatabahasa bahasa Melayu dan kesalahan tatabahasa dalam penulisan karangan pelajar asing yang mempelajari bahasa Melayu?
2. Apakah masalah yang dihadapi oleh pelajar asing dalam mempelajari bahasa Melayu?
3. Sejauh manakah keberkesanan strategi yang digunakan oleh pelajar asing untuk menguasai tatabahasa bahasa Melayu?
4. Adakah penggunaan modul tatabahasa Melayu dapat membantu meningkatkan penguasaan tatabahasa Melayu dalam kalangan pelajar asing?

## **Objektif Kajian**

Sehubungan itu tujuan kajian ini dijalankan adalah untuk menilai tahap penguasaan tatabahasa bahasa Melayu dalam kalangan pelajar asing di IPTA. Secara khususnya, kajian ini adalah untuk mencapai objektif berikut:

1. mengenal pasti tahap penguasaan dan kesalahan tatabahasa Melayu dalam penulisan karangan pelajar asing yang mempelajari bahasa Melayu sebagai bahasa asing.
2. mengesan masalah yang dihadapi oleh pelajar asing dalam mempelajari bahasa Melayu.
3. menganalisis keberkesanan strategi yang digunakan oleh pelajar asing dalam menguasai tatabahasa dalam pembelajaran bahasa Melayu.
4. menghasilkan modul tatabahasa Melayu untuk meningkatkan penguasaan tatabahasa dalam kalangan pelajar asing.

## **Kepentingan kajian**

Dapatan kajian ini penting kerana dapat memberi pelbagai informasi kepada pelbagai pihak seperti tenaga pengajar, pihak penggubal kurikulum, pelajar-pelajar dan pihak KPM mengenai masalah pelajar-pelajar asing ketika mempelajari bahasa Melayu terutama dari aspek tatabahasa.

Dapatan kajian ini juga dapat memberi gambaran yang jelas dan menyeluruh bukan sahaja kepada pelajar luar negara malahan juga kepada pengajar tentang kepentingan bahasa Melayu. Di samping itu, ia dapat membantu penggubal kurikulum bahasa Melayu di peringkat IPT. Ini kerana dengan mengenal pasti kelemahan dan kekurangan dalam proses penguasaan tatabahasa, sedikit sebanyak ia dapat membantu pensyarah memastikan pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu yang berkesan dan sesuai di IPT masing-masing supaya mereka mampu untuk lebih fokus dalam pengajarannya. Dapatan daripada kajian yang dijalankan seterusnya akan berupaya membantu para pengajar untuk menyusun rancangan pengajaran, memilih dan menyediakan kaedah dan strategi pembelajaran yang sesuai seterusnya dapat memperbaiki prestasi pemahaman dan penguasaan tatabahasa dalam kalangan pelajar. Kajian ini juga secara tidak langsung membuka ruang kepada semua pihak untuk bergabung dan berpadu tenaga bagi mengenal pasti secara mendalam akan apa yang diperkatakan sebagai permasalahan dalam penguasaan tatabahasa dan seterusnya menerapkan kaedah pembelajaran yang betul dan sesuai dalam proses pembelajaran bahasa kepada pelajar asing yang mempelajari bahasa Melayu.

Dalam konteks penggubalan kurikulum bahasa Melayu, sukatan pelajaran bahasa Melayu untuk pelajar asing digubal mengikut persepsi tenaga pengajar daripada IPT masing-masing yang dipadankan dengan kehendak-kehendak dasar JPT. Melalui dapatan kajian ini, Kementerian Pendidikan dapat menganalisis dan mengkaji semula kandungan sukatan pelajaran bahasa Melayu untuk pelajar asing dan strategi pelaksanaannya di Universiti. Penambahbaikan kurikulum perlu dilakukan sekiranya kajian ini mendapati terdapat kelemahan-kelemahan tertentu di dalam kurikulum dalam menentukan aspek-aspek tatabahasa yang bersesuaian dengan kompetensi pelajar. Ianya akan dapat meningkatkan potensi penguasaan tatabahasa pelajar-pelajar dengan berkesan semasa proses pembelajaran bahasa Melayu.

Bagi pihak kerajaan pula ia dapat memberi sumbangan kepada pihak Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) yang mana DBP merupakan badan kerajaan yang dapat mengisi agenda pengantarabangsaan bahasa Melayu. Dalam hal ini, DBP telah mengambil langkah dengan menubuhkan Majlis Antarabangsa Bahasa Melayu (MABM) yang antara lain berfungsi dalam menyediakan pengajaran bahasa Melayu kepada penutur asing. Di samping mengutus tenaga pengajar ke negara-negara yang memerlukan bahasa Melayu, usaha menyusun buku dan modul pengajaran bahasa Melayu kepada penutur asing juga telah dilaksanakan oleh MABM (Awang Sariyan, 2010).

Justeru, kajian ini dianggap penting dan dapat membantu meningkatkan mutu pembelajaran dan pengajaran bahasa Melayu dalam kalangan pelajar asing terutama di IPTA.

### **Batasan Kajian**

Dalam mengkaji penguasaan tatabahasa Melayu yang digunakan oleh pelajar asing, kajian ini hanya memberi penekanan kepada aspek tatabahasa dalam penulisan karangan sahaja walaupun tahap penguasaan bahasa Melayu boleh dinilai melalui aktiviti lisan. Penekanan ini hanya ditumpukan kepada aspek morfologi iaitu struktur kata dan penggolongan kata sahaja. Dalam menguasai tatabahasa ini penyelidik juga hanya membataskan kepada aspek bahasa kedua diperoleh melalui proses pengulangan dan latih tubi yang mempengaruhi proses pembelajaran bahasa dari teori Behaviorisme Bloomfield (1986). Manakala berdasarkan teori Hipotesis Input Stephen Krashen (1984) pula penyelidik hanya membataskan kepada hipotesis yang pertama iaitu *Natural Order Hypothesis* yang memfokuskan kepada pembelajaran formal dan tidak formal yang mampu mempengaruhi tahap penguasaan tatabahasa seseorang.

Selain itu, subjek kajian ini terhad kepada 33 orang pelajar asing di UTM Johor Bahru yang mempelajari subjek ULAM 1112 Bahasa Malaysia Komunikasi pada semester 1 sesi 2013/2014. Kajian ini dijalankan dalam tempoh 14 minggu dan dalam tempoh tersebut pengkaji telah memberi penerangan tentang tujuan kajian serta pendedahan tentang tatabahasa Melayu secara asas kepada subjek kajian. Pelaksanaan pembelajaran dan pengajaran dijalankan selama dua jam seminggu.

Selain itu, bahan kajian untuk kajian ini adalah terdiri daripada sebuah penulisan karangan ringkas dan set soal selidik. Bidang kesalahan yang diuji dalam karangan ini adalah kesalahan tatabahasa secara umum sahaja serta pengaruh dari bahasa asing yang lain terutama bahasa Inggeris. Selain itu, set soal selidik yang digunakan juga hanya menumpukan kepada soalan-soalan yang berkaitan dengan objektif kajian. Berdasarkan batasan penulisan karangan itu serta soalan soal selidik, penguasaan bahasa responden tidak dapat diuji keseluruhannya. Penguasaan lisan responden tidak diuji dan dikaji langsung melalui kajian ini. Begitu juga dengan kemahiran yang lain.

Kajian yang dijalankan ini juga hanya bersifat jangka pendek. Ini bermakna kesalahan dan data yang diperlihatkan hanya menggambarkan kadar kesalahan yang dilakukan pada masa tersebut, sama ada kesalahan yang sama itu akan dilakukan oleh responden pada masa akan datang, ianya tidak dapat dikesan. Oleh itu, hasil daripada ujian ini tidak dapat menggambarkan penguasaan bahasa sebenar responden pada tempoh yang lain. Ini bermakna dapatan kajian hanya sesuai untuk IPTA tersebut sahaja dan pada tempoh kajian dijalankan. Lantaran itu dapatan kajian tidak boleh digeneralisasikan kepada seluruh IPT yang terdapat di Malaysia.

### **Definisi Operasional**

Terdapat beberapa istilah penting yang di definisikan dan juga istilah operasional yang akan digunakan dalam kajian ini iaitu

### **Bahasa Melayu**

Dalam konteks kajian ini, mata pelajaran Bahasa Melayu merujuk kepada proses pengajaran dan pembelajaran yang melibatkan penyampaian dan penerimaan isi kandungan yang berkaitan sesuatu tajuk yang diajar pada masa tertentu kepada pelajar asing di IPTA. Selaras dengan peranannya sebagai bahasa ilmu mata pelajaran Bahasa Melayu didedahkan kepada

pelajar dengan tujuan untuk melengkapkan mereka dengan kemahiran berbahasa dan berkomunikasi.

### **Tatabahasa**

Mengikut konsep tradisional tatabahasa ialah satu cara mengkaji bahasa berdasarkan hukum-hukum yang telah dibuat terhadap bahasa itu berdasarkan makna. Dalam konteks kajian ini, tatabahasa merupakan perkataan yang mempunyai peraturan-peraturan tertentu bagaimana perkataan itu dibentuk dan bagaimana perkataan itu bergabung dengan perkataan-perkataan lain untuk menghasilkan ayat-ayat yang gramatis. Dengan kata lain, tatabahasa ialah rentetan ucapan, pengelompokan serta pengklasifikasian unsur-unsur ucapan menurut fungsinya.

### **Penguasaan tatabahasa**

Penguasaan merujuk kepada perihal menguasai sesuatu bahasa yang dipelajari dengan lebih mendalam dan mahir dari aspek tatabahasa dan fungsi bahasa bagi membolehkan seseorang itu berinteraksi menggunakan bahasa tersebut dengan fasih, lancar dan berkesan. Proses penguasaan bahasa itu adalah satu aktiviti yang berbentuk pengajaran dan pembelajaran bagi membolehkan seseorang itu menggunakan sesuatu bahasa sama ada secara lisan ataupun tulisan. Hal ini bermakna seseorang yang dianggap telah menguasai sesuatu bahasa seharusnya berkemahiran menggunakan bahasa tersebut untuk berkomunikasi. Dalam kajian ini, penguasaan tatabahasa Melayu adalah ditumpukan kepada aspek-aspek morfologi dan sintaksis yang mudah kepada pelajar asing.

### **Pelajar asing**

Secara umumnya, pelajar ditakrifkan sebagai murid atau penuntut. Pelajar merupakan golongan individu yang belajar atau menuntut di sekolah, maktab atau universiti. Dalam konteks kajian ini, pelajar asing bermaksud, pelajar luar dari negara lain selain Malaysia yang berdaftar secara sah di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia di mana-mana IPT di Malaysia yang bertujuan untuk menimba ilmu dalam bidang yang ditawarkan di IPT yang dipohon.

## Kesimpulan

Kajian ini adalah satu kajian yang akan melihat sejauh mana aspek tatabahasa bahasa Melayu dapat dikuasai oleh pelajar asing di IPTA. Sebagaimana yang diketahui, aspek tatabahasa merupakan antara komponen dalam bahasa Melayu yang mesti diketahui oleh setiap pelajar yang mempelajari bahasa tersebut. Ini disebabkan proses membina dan memahami struktur ayat dalam bahasa Melayu perlu dikuasai oleh pelajar dengan baik memandangkan kedudukannya sebagai bahasa rasmi negara yang boleh digunakan untuk kegunaan rasmi atau dalam perbualan harian. Selain itu, sorotan kajian dalam bab seterusnya akan menonjolkan latar belakang kajian ini, keistimewaan dan kepentingannya sebagai salah satu komponen dalam mempelajari bahasa Melayu.

## BIBLIOGRAFI

- Ab Rahman Ab. Rashid & Yap Kim Fatt. (1999). *Bahasa Kebangsaan*. Petaling Jaya : Pearson Education Malaysia
- Ab. Razak Ab. Karim & Muhammad Saiful Haq Hussin. (2011). Tahap penguasaan bahasa Melayu pelajar di Islamic Santitham Foundation School (ISFS). *Jurnal Pengajian Melayu* Jilid 22
- Abdullah Hassan. (1980). *Linguistik Am Untuk Guru Bahasa Melayu*. Selangor: PTS Publication and Distributors Sdn. Bhd.
- Abd. Aziz Abd. Talib. (2000). *Pedagogi Bahasa Melayu: Prinsip, Kaedah dan Teknik*. Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors Sdn. Bhd.
- Abdul Rashid Daing Melebek. (2010). Penguasaan Tatabahasa Guru Mata Pelajaran Bahasa Melayu Tingkatan Enam. Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia. *Jurnal Linguistik* Jilid 11
- Abdul Rasid Jamian. (2011). *Permasalahan pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu dalam kalangan murid Cina*. Jabatan Pendidikan Bahasa dan Kemanusiaan, Fakulti Pengajian Pendidikan, Universiti Putra Malaysia.
- Abu Hassan Othman. (1987). Masalah Penyelidikan di Kota : Suatu Analisa Ringkas. Dalam Wan Hashim, Ting Chew Peh dan Shamsul Amri Baharuddin (pnyt) *Kaedah Penyelidikan Sosial: Suatu Rempai Esei Masalah Kajian Luar*. hlm1-9. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Abu Rabia, S. (1996). The Roles of Vowels and Context in the Reading of Highly Skilled Native Arabic Readers. *Journal of Psycholinguistic Research*, 25(6), 629-41
- Ahmad Mahdzan Ayob. (1992). *Kaedah Penyelidikan Sosial-ekonomi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Arbak Othman. (2009). *Tatabahasa Bahasa Melayu*. Dewan Bahasa dan Pustaka : Kuala Lumpur.
- Awang Had Salleh. (1993). Laporan Jawatankuasa Mengkaji Penggunaan Bahasa Malaysia.
- Awang Sariyan. (2010). Pembudayaan Bahasa Melayu di Luar Nusantara. *Kertas kerja Ceramah Arif Budiman*. 31 Julai 2010.
- Awang Sariyan. (2002). *Kejayaan Perancangan Bahasa Melayu Di Malaysia*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.



- Azizah Abu Hanifah. (2008). *Penguasaan dan Penggunaan Bahasa Inggeris dalam Kalangan Pelajar PKPG Kemahiran Hidup*. Tesis Sarjana. Skudai : Universiti Teknologi Malaysia
- Azhar Muhammad et al. (2006). *Penguasaan Pelajar Sekolah Menengah Aliran Agama Terhadap Pengajian Ilmu Retorik Arab*. Pusat Pengajian Islam dan Pembangunan Sosial : Universiti Teknologi Malaysia
- Bley V. (1989). *The Teaching and Acquisition of South Asian Languages*. Edited by Vijay Gambhir University of Pennsylvania Press
- Brown, H.D. (1980). *The Optimal Distance Model of Second Language Acquisition*. TESOL Quarterly Vol. 14, No. 2 (Jun., 1980), pp. 157-164.
- Burns, R.B. (2000). *Introduction to Research Methods Hardcover*. Amazon.co : UK.
- Chenn, H.H, Ho. W.C & Hoe, F.T. (2009). *A Study of Mandarin Sentence Grammar Mistake Made by Non-native Speaker*. Proceeding Language and Culture : Creating and Fostering Global Communities. 2009
- Chin H. (2001). *Penguasaan Bahasa Melayu Berbantuan Laman Portal*. Tesis Doktor Falsafah. University Malaya : Kuala Lumpur
- Chomsky N. (1965). *Aspects of the Theory of Syntax*. MIT Press
- Cummin J. (1983). *Language Proficiency and Academic Achievement*. In J.W Oller Jr. (ed) Issues in Language Testing Research. Rowley Ma : Newberry House
- Cumin J. (1996). *Negotiation Identities : Education for Empowerment in a Diverse Society*. Los Angeles : California Association for Bilingual Education.
- Dulay, H. & M. Burt. (1976). *Should we teach children syntax?* Language Learning 23.235-252. (muat turun daripada leland.stanford.edu). Mei 2014
- Eka Subekti. (2010). *5 Hipotesis Tentang Pemerolehan Bahasa Kedua Menurut Stephen Krashen*. Pendidikan Bahasa Inggeris, Fakultas Keguruan dan Ilmu Pendidikan : Universitas Muria Kadna
- Ellen B. (1991). *Language Processing in Bilingual Children*. Cambridge University Press, May 9, 1991 - Education - 238 pages

- Fox, L. R. (2007). *Teaching And Learning Vocabulary: An Application of Linguistics Analysis To Reading Vocabulary Exercise For Adult Student of English*. Ph.D.Thesis. New York University.
- Goh, Ying Soon & Ng, Ahsuan. (2004). The Bumiputra students' attitude in learning Mandarin at UiTM Campus Terengganu, Malaysia. *Kertas kerja untuk CSSR (Conference on Science and Social Science Research)*, 19-21 May, 2004, di Kuching, Sarawak, Malaysia.
- Fa'izah Abd. Manan, Zamri Mahamod & Mohamed Amin Embi. (2009). *Penyelidikan Strategi Pembelajaran Bahasa Melayu Sebagai Bahasa Asing Dalam Kalangan Pelajar Luar Negara*. Prosiding Seminar Pendidikan Serantau ke-4. 2009
- Fa'izah Abd. Manan, Mohamed Amin Embi & Zamri Mahamod. (2010). Kerangka Pembangunan dan Penilaian Modul Belajar Cara Belajar Bahasa Melayu Pelajar Asing Institusi Pengajian Tinggi Malaysia. *Jurnal Pendidikan UKM Vol.2, No. 2 Julai 2010*
- Richard G. T. (1988). *Second Language Education*. Edited by David Corson Springer Shop Amazon.com
- Hasnah Mohamad. (2011). *Pengajaran Bahasa Melayu Kepada Penutur Asing Berdasarkan Domain*. Prosiding Seminar Antarabangsa Linguistik dan Penbudayaan Bahasa Melayu VII. UPM 9-10 November, 2011
- Hajimin Maslin. (2010). *Sejarah Perkembangan Bahasa Melayu : UPM Perhebat Promosi di Luar Negara/Article/print\_html*
- Isenberg, J.P., & Jalongo, M. R. (2000). *Creative Expression and Play in Early Children (3rd ed.)* Upper Saddle River, NJ: Merrill/Prentice Hall.
- Ismail Abd. Rahman. (2010). *Pendidikan Bahasa Melayu pada abad ke 21: Antara Hasrat dan Pelaksanaan*. (muat turun dari putramail.blogspot.com) 26 Jun 2010
- Juriah Long. (2000). *Menstrategi Pengajaran Bahasa Melayu di Institusi Pendidikan Tinggi Swasta Dalam Abad ke 21 Bagi Menentukan Dasar Pendidikan Negara*. Prosiding Strategizing and Learning in the 21st Century. Vol.2 hlm 450-467
- Juriah Long, Mohamed Amin Embi & Mohd Isaa Hamzah. (2001). Language Learning Strategies Employed by Secondary School Students in Malaysia. *Jurnal Pendidikan*, 26, 3-20
- Juriah Long, Nooreiny Maarif, Khalid Abdullah, Zaini Mahbar, Puteh Mohamed & Zarin Ismail. (2004). *Kecekapan Berbahasa Melayu dan*

*Berbahasa Inggeris di IPTA: Satu Analisis Keperluan Majikan.*  
Projek IRPA

Kamarudin Husin. (2010). *Psikologi Pembelajaran*. Kuala Lumpur : Utusan Publications & Distributors

Kamarudin Husin. (1986). *Penguasaan Bahasa Malaysia Di Kalangan Pelajar Bukan Melayu Di Maktab Perguruan Di Kuala Lumpur* . Tesis Sarjana Sains. Fakulti Pengajian Pendidikan. Universiti Pertanian Malaysia

Kamarudin Hj. Husin & Siti Hajar Hj. Abdul Aziz. (1997). *Penguasaan Kemahiran Menulis*. Subang Jaya: Kumpulan Budiman Sdn. Bhd.

Kamarudin Hj. Husin, Siti Hajar Hj. Abdul Aziz & Arbi'e Sujud. (1997). *Pengajian Melayu 1: Ilmu Bahasa dan Kecekapan Berbahasa*. Selangor: L.C.Marketing

Kamarudin Ngah & Roslim Md. Akhir. (1990). *Kaedah penyelidikan : Panduan Mudah Kerja Luar*. Petaling Jaya : Fajar Bakti.

Kamus Dewan Edisi Ketiga. (1996). Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.

Katerina R. (2004). *Testing Krashen's Input Hypothesis: A Case Study in a Male Czech Adult Acquiring English*. Masaryk University in Brno, Faculty of Arts Department of English and American Studies.

Khaidir Othman. (2009). Kajian Tindakan – *Meningkatkan Penggunaan Imbuhan 'MEN' dalam Kalangan Murid Tingkatan 1*. (muat turun daripada hajikhaidir.blogspot.com). Jun 2012.

Khairul Zaim Mohd. Shaari. (2011). *Memperdana Bahasa Melayu di Kalangan Pelajar Asing di Malaysia*. (muat turun dari <http://zaim-pejuangmudamelayu.blogspot.com>). Jun 2012

Khaled Nordin. (2010). Bahasa Melayu boleh diantarabangsakan. *Berita Harian* 8 Mac 2010

Khaled Nordin. (2011). *Bahasa Melayu Bahasa Ilmu*. Ucapan Pelancaran Pelan Tindakan Memartabatkan Bahasa Melayu sebagai Bahasa Ilmu di IPT dan Sambutan Bulan Bahasa Kebangsaan 2010 peringkat Kementerian Pengajian Tinggi. 27 Oktober 2011

Krashen, S. (1984). *Krashen's Comprehension Hypothesis Model of L2 learning*. (muat turun daripada <http://homepage.ntlworld.com/>) Januari 2011.

- Lim K. B. (1975). *An Introduction to Linguistics for The language Teacher*. Singapore: Regional English Language Centre
- Lim Y. Y. (1991). *Remaja Kurang Berminat dalam Berbahasa*. Dewan Siswa. Jun 1991
- Lutfi Abas. (1971). *Linguistik Deskriptif dan Nahu Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya
- Lydia W. C. & Muysken. (1989). *Universal Grammar and Second Language Acquisition*. John Benjamin Publishing Company
- Mackay, A. (2012). *Input, Interaction and Corrective Feedback in L2 Learning*. UK : Oxford University Press
- Mardian Shah Omar & Marniyati Mohd. Nor. (2011). *Meningkat dan Memperkasakan Pengajaran Bahasa Melayu Dalam Kalangan Pelajar Antarabangsa di IPTS*. Prosiding Seminar Antarabangsa Linguistik dan Pembudayaan Bahasa Melayu VII. UPM 9-10 November, 2011
- Marlyna Maros, Mohammad Fadzeli Jaafar, Mohammad Azlan Mis & Kalthum Ibrahim. (2012). *Penerimaan Bahasa Inggeris di luar Bandar di Malaysia : Pengaruh Faktor Persekitaran*. Singapore International Journal of Language and Literature. Disember 2012
- Mazlina Baharuddin. (2013). *Pemerolehan Dan Penguasaan Kecekapan Berbahasa Melayu dalam Kalangan Pelajar Asing di Universiti Sains Malaysia*. Proceeding of the International Conference on Language, Linguistic and Society. Universiti Malaysia Sabah. Oktober 2013
- Mazlina Baharudin & Razalina Radzi. (2013). *Pengajaran Bahasa Melayu sebagai Bahasa Asing kepada Pelajar Negara China: Sebuah Catatan Pengalaman di USM*. Proceeding of the International Conference on Language, Linguistic and Society. Universiti Malaysia Sabah. Oktober 2013
- McLaughlin, B. (2000). *Theories of Second Language Learning*. London: Edward Arnold
- Mohamad Baba. (2012). *Sejarah Pendidikan Bahasa Malaysia: Pemenuhan Suatu Idealisme*. 25 Oktober 2012. (muat turun dari nuramalku.blogspot.com) Jun 2012.
- Mohd. Daud Hamzah. (1990). *Dorongan dan Pembelajaran*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohamad Najib Abd. Ghafar. (1999), *Penyelidikan Pendidikan*. Skudai : Universiti Teknologi Malaysia.

- Mohamad Ziyad Mukhtar & Izuddin Muhammad. (2012). *Penguasaan Asas Bahasa Arab dalam kalangan pelajar PPISMP GSTT-PAI : Satu Kajian Kes*. Sabah : Institut Pendidikan Kampus Pendidikan Islam.
- Mohd Majid Konting. (2005). *Kaedah penyelidikan pendidikan. Ed. ke-7*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nahzatulakma. (2013). *Aplikasi Kognitif dalam Pendidikan*. Kuala Lumpur : PTS Publication.
- Nelson H. B. (1964). *Language and Language Learning: Theory and Practice*. Harcourt, Brace & World, 1964 – Children.
- Nik Safiah Karim. (1995). *Malay Grammar for Academics and Professionals*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nik Safiah Karim, Farid M Onn & Hashim Haji Musa. (2009). *Tatabahasa Dewan Edisi Ketiga*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nur Hayati Cristina Abdullah. (2005). *Adaptasi Pembelajaran Bahasa Melayu di IPTS*. Tesis Doktor Falsafah. UPM.
- Nor Fadila Mohd Amin & Adibah Abd. Rahim (2010) Tahap Penguasaan Bahasa Inggeris Sebagai Persediaan Untuk Kerjaya Dalam Kalangan Pelajar Pendidikan Teknikal Dan Kejuruteraan. *Jurnal Teknologi*, Universiti Teknologi Malaysia. Oktober 2010.
- Noor Asliza Abdul Rahim, Zaliza Zubir, Wan Saliha Yusoff & Nurul Syazwani Zulkifli. (2011). *Penguasaan Bahasa Melayu Dalam Kalangan Pelajar Antarabangsa: Kajian Kes IPTA Bahagian Utara Semenanjung Malaysia*. Prosiding Seminar Antarabangsa Linguistik dan Pembudayaan Bahasa Melayu VII. UPM 9-10 November 2011.
- Norizah Ardi. (2005). *Sikap terhadap bahasa Melayu dan penggunaannya di kalangan pelajar Universiti di Selatan Thailand*. Tesis Doktor Falsafah. Fakulti Bahasa dan Linguistik, Universiti Malaya : Kuala Lumpur.
- Pusat Perkembangan Kurikulum. (1996). Kementerian Pendidikan Malaysia : Kuala Lumpur.
- Rivers, W.P. (2002). *Report on the NFLC/AATSP Survey of Spanish Language Program for Native Speakers*. Hispania 324-329.
- Rohana Yusof. (2003). *Penyelidikan Sains Sosial*. PTS Publications & Distributors : Kuala Lumpur.

- Rod E. (1994). *The Study of Second Language Acquisition*. Oxford University Press Amazon.com
- Rusdi Abdullah. (2001). *Kecekapan Menulis Dalam Bahasa Melayu Sebagai Bahasa Asing*. Prosiding Seminar Sehari, Jabatan Bahasa Melayu dan Terjemahan 2001
- Rutherford, W. E. (1987). *Second Language Grammar: Learning and Teaching*. New York: Longman.
- Selinker, L. (1992). *Language Transfer in Language Learning: Revised Edition*. John Benjamins Publishing Company
- Shamsudin Mohamad & Kamarul Azmi (2011). *Penyeliaan Guru Dalam Pengajaran dan Pembelajaran*. Penerbit UTM Press.
- Siti Baidura Kasiran & Nurul Jamilah Rosly. (2010). *Analisis Kesalahan Tatabahasa Bahasa Melayu Dalam Kalangan Pelajar Asing di Sebuah Institusi Pengajian Tinggi Awam*. Pusat Bahasa dan Pembangunan Akademik Pra-Universiti Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM)
- Siti Hajar Husin & Abdul Aziz. (1996). *Tatabahasa Bahasa Melayu (Perkataan)*. Dewan Bahasa dan Pustaka : Kuala Lumpur
- Siti Hanim Stapa, Nadzrah Abu Bakar, Rozmel & Latiff. (2007). *Literasi Penulisan Bahasa Inggeris Dalam Kalangan Pelajar Luar Bnadar: Aplikasi Terhadap Pembelajaran dan Pengajaran*. Pusat Pembelajaran Bahasa dan Linguistik, FSKK, UKM
- Siti Saniah Abu Bakar. (2013). Kekangan pelajar asing dalam menggunakan kemahiran bertutur bahasa Melayu. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu – JPBM*. Vol. 3, Bil. 1, 52-62
- Solahuddin Samaun & Hasnida Samaun. (2010). *Penguasaan Bahasa Melayu di Sekolah Agama Rakyat : Satu Kajian Kes*. Santun, Thailand. dalam Ambigapathy Pandian (ed.) *Panca Dimensi Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa : Trend dan Amalan* (hlm. 82 – 99) Pulau Pinang : Penerbitan Universiti Sains Malaysia
- Stephen D. K. (1981). *Second Language Acquisition and Second Language Learning*. University of Southern California. US
- Stephen D. K. & Terell T.D. (1983). *The Natural Approach*. New York: Pergamon
- Stuart R. (2005). Reading, Mathematics, Language, *Second Language Aptitude Scores and Personality Type as Predictors of Success in*

*Beginning Second Language Study*. Hofstra University, 2005 - Academic Achievement

Sulaiman Masri. (2003). *Kaedah Penyelidikan dan Panduan Penulisan (esei, proposal, tesis)*. Utusan Publication & Distributors Sdn Bhd : Kuala Lumpur.

Tuan Nordin Tuan Kechik & Mazlina Baharuddin. (2012). *Pengajaran Bahasa Melayu Sebagai Bahasa Asing: Sebuah Catatan Pengalaman Universiti Sains Malaysia*. Seminar Bahasa Ibu, Universiti Pendidikan Indonesia : Bandung.

Uma Sekaran. (1992). *Research Methods for Business: A Skill Building Approach*. 2th Edition, John Wiley & Son : New York, USA.

Umaimah Kamarulzaman & Noriza Daud. (2013). *Kesilapan Penggunaan Imbuhan Bahasa Melayu oleh Pelajar Asing di IPTA*. Proceeding of the International Conference on Language, Linguistic and Society. Universiti Malaysia Sabah. Oktober 2013

Yong C. C. & Vijayaletchumy. (2011). *Ekstralinguistik Dalam Penguasaan Bahasa Melayu oleh Mahasiswa Antarabangsa di IPTS*. Prosiding Seminar Antarabangsa Linguistik dan Pembudayaan Bahasa Melayu VII. UPM 9-10 November

Wilga M. R. (1981). *Teaching Foreign-language Skills*. University of Chicago Press, 1981 - Foreign Language Study

Wiersma, W. (2000). *Research Method in Education*. Boston: Ally & Bacon.

Wenquan Y. (2010). *The Application of Input Hypothesis to the Teaching of Listening and Speaking of College English, Foreign Languages College*. Qingdao University of Science and Technology Qingdao, China

Zafar, M. (2009). Monitoring the 'monitor' : A Critique of Krashen's Five Hypothesis. *The Dhaka University Journal of Linguistic* : Vol 2 No 4 August 2009 (139 – 146)

Zainor Said. (2011). Universiti Kolej di Malaysia *Banyak Kelebihan Berbanding Negara Lain Untuk Tarik Pelajar Asing*. (muat turun pada 15 Mac 2012 daripada <http://www.bharian.com.my/bharian/articles/IPT> harus tingkatkan kualiti).

Zamri Mahamod & Mohamed Amin Embi. (2001). Penggunaan Strategi Pembelajaran Bahasa untuk Menguasai Kemahiran Membaca. *Jurnal Teknologi*. 42(E) Jun. 2005: 1–18

Zulkifli Hamid. (2011). Peranan Teori Psikolinguistik dalam Pemurnian dan  
Pemeriksaan Pendidikan Bahasa Melayu di Malaysia. *Jurnal e-  
bangi*. Volume 6, Number 2, 183-192, 2011. ISSN: 1823-884x

Akta Pendidikan Negara 1961

Akta Pendidikan Malaysia Pindaan 1995

Akta Pendidikan 1996

Akta Pendidikan Tinggi Swasta 1996

